




SIRAH: KHULAFAH' AR-RASYIDIN

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Menerangkan Sistem Khilafah Islamiyah:** Pelajar dapat memahami konsep, peranan dan ciri Sistem Khilafah Islamiyah, termasuk struktur kepimpinan, bidang kuasa pemerintahan serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.
- b) **Pemahaman Mengenai Latar Belakang Khulafa' Ar-Rasyidin:** Pelajar dapat mengenali latar belakang, personaliti dan sumbangan keempat-empat Khulafa' ar-Rasyidin sebagai pemimpin Islam.
- c) **Menerokai Proses Pemilihan Khulafa' ar-Rasyidin:** Pelajar dapat memahami proses pemilihan Khulafa' ar-Rasyidin serta prinsip syura dan persetujuan umat yang menjadi asas pelantikan kepimpinan dalam Islam.
- d) **Memahami Sumbangan Khulafa' ar-Rasyidin dalam Aspek Politik:** Pelajar dapat memahami dan menjelaskan sumbangan Khulafa' ar-Rasyidin dalam pembangunan sistem politik Islam yang berasaskan syura, keadilan, pentadbiran berkesan dan kestabilan negara.
- e) **Mendalami Sumbangan Khulafa' ar-Rasyidin dalam Aspek Ekonomi & Sosial:** Pelajar dapat memahami dan menghuraikan sumbangan Khulafa' ar-Rasyidin dalam pembangunan sistem ekonomi dan sosial Islam yang menekankan keadilan, kebajikan rakyat serta kesejahteraan masyarakat.

SESI PERTAMA

Pengenalan Sistem Khilafah Islamiyah

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mengenal pasti perbezaan sistem Khilafah, memahami lebih lanjut tentang sistem Khilafah dan mendalami latar belakang pemerintahan setiap khalifah.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Perbezaan Gelaran Ketua Agama Islam
- Sistem Khilafah Islamiah
- Konsep Khilafah dan Imamah
- Bidang Kuasa Sistem Khalifah
- Model/Ciri-ciri Pemerintahan dalam Islam
- Cabaran dan Krisis dalam Institusi Khilafah

SESI PERTAMA: PENGENALAN SISTEM KHILAFAH ISLAMIYAH

PENDAHULUAN

Allah SWT berfirman dalam al-Quran,

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولَى الْأَلْبَابِ ۚ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran.”

(Surah Yusuf 12: 111)

Sejarah merupakan peristiwa silam yang memberi pengajaran kepada manusia pada masa hadapan. Memahami sejarah pemerintahan Islam membawa kepentingan kepada umat Islam untuk bermuhasabah kembali dan merujuk kembali teras pemerintahan Khulafa Rasyidin dan pemerintahan kerajaan Islam terdahulu sebagai rujukan pada masa hadapan.

Tidak hanya bernostalgia dengan kenangan kegemilangan sejarah Islam tetapi mengambil iktibar daripada kebangkitan dan kejatuhan kerajaan Islam yang terdahulu.

PERBEZAAN GELARAN KETUA AGAMA ISLAM

1) Khalifah

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, khalifah membawa maksud pengganti kepada Rasulullah SAW, Ketua Negara Agama Islam.

Khalifah merupakan ketua agama bagi keseluruhan Kerajaan Islam. Gelaran ini mulai digunakan setelah kewafatan Rasulullah SAW. Ia digunakan buat kali pertama oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Namun, gelaran ini menjadi sekadar gelaran sebagai penaung Kerajaan Islam pada era pertengahan Abbasiyah disebabkan banyak kerajaan. Kerajaan mulai membebaskan diri daripada penguasaan menyeluruh Khalifah. Gelaran ini kemudiannya terakhir digunakan oleh Empayar Uthmaniyyah pada sekitar abad ke-16.

2) Sultan

Sultan bermaksud pemerintah dan ketua negara (skop yang kecil). Gelaran ini mulai diguna pakai oleh pemerintah kerajaan-kerajaan kecil di bawah naungan Khalifah Abbasiyyah. Menjelang kejatuhan Abbasiyah, kerajaan kesultanan ini mulai membentuk federasi mereka tersendiri.

3) Al-Malik

Al-Malik membawa maksud raja. Gelaran ini sedikit berbeza dengan Sultan kerana Sultan bersifat politik (berkuasa) manakala al-Malik lebih kepada gelaran melambangkan kekuasaan dan kehebatan pemerintah. Misalnya, al-Malik al-Adik (Dinasti Ayyubiyah) atau al-Malik Asyraf Khalil (Dinasti Mamluk). Beberapa buah negara moden juga masih mengekalkan gelaran al-Malik ini seperti di Arab Saudi, iaitu al-Malik Salman bin Abdulaziz.

4) Amirul Mukminin

Gelaran Amirul Mukminin membawa maksud ketua bagi orang Mukmin. Gelaran ini sama tinggi dengan gelaran lain bagi khalifah. Gelaran ini buat pertama kali digunakan oleh Khalifah Umar al-Khattab bagi alternatif gelaran Khalifah Rasulullah.

SISTEM KHILAFAH ISLAMIYYAH

Perbezaan antara khalifah dan khilafah ialah khalifah merujuk kepada individu seperti mereka yang menjalankan pentadbiran negara. Contohnya, Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Manakala khilafah merujuk kepada sistem atau pemerintahan kerajaan seperti Khilafah Umayyah.

Khalifah	Perbezaan	Sistem Demokrasi
Khalifah, Dilantik melalui kaedah syura (Khulafa Rasyidin), Monarki (Era Pasca Khulafa Rasyidin).	Pemilihan Ketua Negara	Presiden, Perdana Menteri (Abad ke-20) melalui kaedah Pilihan Raya.
Melalui kaedah perbincangan dan persetujuan bersama dalam Syura. Turut melibatkan pelbagai pemegang taruh utama dalam negara. Ahlinya dipilih berdasarkan kelayakan (Khulafa Rasyidin). Kuasa Multak Raja, dan Sidang Divan A'la (Uthmaniyyah)	Pemutusan Dasar Negara	Parlimen, usul dibawa ke parlimen dan ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Perlu mendapat sokongan majoriti dalam Parlimen bagi meluluskan sesebuah undang-undang (kecuali darurat). (Kecuali Dasar berkaitan Agama, Setiap Negeri mempunyai enakmen Syariah seperti UU Keluarga Islam dan sebagainya) – tertakluk kepada negeri sahaja.
Khalifah, Sultan	Pemerintah Tertinggi Negara	Presiden, Perdana Menteri
Berdasarkan 4 Dalil Utama dan disertai Ijtihad, Fatwa dan Maslahah.	Sumber Hukum/Dasar	- Undang Undang Sipil - UU Keluarga Islam

Berteraskan kerohanian dan ke “Akhirat”. Memfokuskan keseimbangan duniawi dan ukhrawi.	Dasar Sosial	Memfokuskan keharmonian rakyat dan tidak menyentuh aspek keagamaan berdasarkan prinsip “ <i>laïcité</i> ”, iaitu kebebasan daripada beragama (Sekularisme).
Mengamalkan Kod Etika yang digariskan oleh Islam.	Dasar Ketenteraan	Terikat dengan Undang-undang Antarabangsa.
Berteraskan dalil utama dasar perdagangan yang dalam Islam. Syumul selagi ia tidak melanggar batas.	Dasar Ekonomi	- Dasar Ekonomi Bebas dan tidak terikat dengan syarak. - Melanggari batas syarak seperti pengamalan riba.

PERBEZAAN KONSEP KHILAFAH DAN IMAMAH

Perbezaan konsep imamah yang digunakan oleh Aliran/Firqah Syiah dan konsep khilafah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Apa itu Syiah?

Syiah merupakan sebuah fahaman yang mengakui sebuah cabang daripada agama Islam. Pada awalnya, kelompok ini bermula daripada kelompok mereka yang mengikuti Sayyidina Ali r.a. Bagi aliran Syiah, mereka mempercayai bahawa kelompok Ahl Bayt sahaja yang layak memegang tampuk pemerintahan/Khalifah. Kelompok ini berhujah bahawa Nabi SAW mengangkat Sayyidina Ali sebagai Waliy-nya. Namun, pandangan ini ditolak kerana konteks pemahaman hadis tersebut jelas terpesong daripada konteks hadis yang sebenar.

Kelompok ini menyimpang daripada ajaran Islam kerana beberapa pengamalan ibadat mereka jelas bertentangan dengan sunnah Rasulullah SAW. Antaranya, mencerca sahabat Ajmain seperti Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayidina Umar dan Sayyidina Uthman bin Affan serta mencela Ummul Mukminin Aisyah r.ha.

Syiah juga mempunyai mazhab dan pecahannya yang tersendiri dan antara yang terbesar adalah Syiah Imam Dua Belas /Syiah Ja'fariyyah. Sehingga kini, aliran ini terus bertapak di negara Iran dan juga wujud di beberapa buah negara Islam yang lain.

Mengapa Syiah dibuat perbandingan?

Hal ini demikian kerana bagi membezakan legitimasi Khalifah di sisi kedua-dua pihak ini. Ia juga bertujuan bagi memberikan gambaran penuh pandangan Syiah terhadap Institusi Khalifah di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ahli Sunnah Wal Jamaah	Perbezaan	Syiah (Imamah)
Pelantikan Khalifah bebas dari mana-mana kalangan umat Islam asalkan bertepatan dengan syarak yang melayakkan dirinya menjadi Khalifah.	Pemilihan Khalifah	Hanya keturunan Rasulullah SAW sahaja yang layak memegang jawatan ini. Pemilihan terus oleh Rasulullah SAW (Peristiwa Ghadir Khum)*
Mengiktiraf selagimana tidak melanggar batas syarak.	Legitimasi Kepimpinan	Tidak mengiktiraf mana-mana pemimpin selain dari Ahl Bayt.
Bebas mengamalkan pelbagai jenis konsep pemerintahan (Syura, Monarki).	Legasi Pemimpin	Kepimpinan Ahl Bayt terhenti sehingga Imam ke-11 (Imam Hasan al-Askari) akan disambung semula oleh Imam al-Mahdi, iaitu imam ke-12.
Politik sebagai Ijtihad. Dan ia perkara cabang (Furu' dalam Agama)	Konsep Kepimpinan	Imamah adalah sebahagian daripada akidah.

Pendapat Aliran/Firqah Islam dalam Institusi Khilafah

- 1) Muktazilah: Pendapat kelompok ini hampir sama dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, cuma menekankan Dasar Rasionalistik oleh Khalifah.
- 2) Murji'ah: Tidak menegaskan tentang kepimpinan. Hanya memerlukan khalifah untuk masalah umum. Golongan yang sentiasa berkecuali dalam hal kepimpinan (Tasamuh).

BIDANG KUASA KHALIFAH

Terdapat lima bidang kuasa khalifah, iaitu:

1) Bidang Kuasa Sosial dan Kebajikan

- Pada era Khalifah Umar al-Khattab telah diperkenalkan pencen dan saraan kepada keluarga syuhada'.
- Khalifah Umar juga terkenal dengan dasar sosialnya seperti penjagaan moral rakyatnya. Pernah suatu ketika Khalifah Umar al-Khattab mengambil tindakan ke atas mereka yang menipu timbangan dalam perniagaan di pasar Madinah. Bahkan, beliau melantik pengawas pasar bagi mengawasi hal ini. Peranan ini mirip kepada Kementerian Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada hari ini.

2) Bidang Kuasa Perundangan

- Para khalifah secara umumnya mempunyai kuasa dalam badan legislatif. Tetapi, khalifah tidak berkuasa mutlak secara penuh.
- Khalifah didorong oleh Ahli Majlis Tertinggi Syura yang rata-ratanya di anggotai oleh sahabat yang utama. Majlis ini berperanan menasihati Khalifah dalam penetapan sesebuah dasar dan hukum.
- Contohnya, Khalifah Uthman Ibn Affan mendapatkan nasihat daripada para sahabat untuk pembukuan al-Quran setelah beberapa perpecahan yang berlaku dalam Daulah Islam.

3) Bidang Kuasa Ekonomi dan Kewangan

- Khalifah berperanan dalam menentukan hala tuju kewangan Daulah Islam
- Misalnya, antara dana kewangan yang diusulkan oleh Khalifah adalah pembinaan kota baharu seperti Kota Basrah dan pembangunan fasiliti seperti kemudahan Pelabuhan Iskandariyya, Pembangunan Masjidil Haram dan kemudahan terusan di Mesir dan Basrah.
- Dari segi ekonomi, Khalifah berperanan dalam penetapan dasar dan undang-undang berkaitan ekonomi yang turut dibantu oleh Ahli Majlis Syura. Sebagai contoh, Dasar Ekonomi Perdagangan dalam Daulah Islam. Begitu juga dasar percukaian serta hasil perolehan ekonomi.

4) Bidang Politik dan Pemerintahan

- Secara umumnya, Khalifah berada di atas hierarki pemerintahan diikuti dengan Ahli Majlis Syura.
- Khalifah berkuasa mutlak tetapi Khalifah terikat dengan perundangan Islam, iaitu al-Quran dan al-Sunnah.
- Asas Khulafa ar-Rasyidin adalah keras kerana di bawah Khalifah terdapat para sahabat yang tegas dalam hukum syariah Islam.
- Asas ini juga ditekankan oleh setiap Khalifah bahkan ditekankan oleh Khalifah Abu Bakar dalam ucaptamanya sebagai Khalifah, "Jikalau aku salah, maka betulkanlah aku."

5) Bidang Ketenteraan dan Pertahanan

- Pada era Rasulullah SAW, ketua negara harus memimpin pasukan perang. Namun disebabkan keperluan dan masalah pada era Khulafa ar-Rasyidin, Khalifah mewakilkan Ketua Panglima bagi memimpin pasukan jihad.
- Segala keputusan perang akan bermula daripada Khalifah dan dibincangkan bersama Ahli Majlis Tertinggi Syura diikuti dengan umat Islam.
- Hal ini dapat dilihat dengan pemutusan perang ke atas golongan riddah yang melalui proses perbincangan dan persetujuan para sahabat untuk menentang golongan ini. Begitu juga penentangan terhadap Rom dan Parsi.

MODEL/CIRI-CIRI PEMERINTAHAN DALAM ISLAM

1) Berlandaskan Dalil yang Disepakati dan Ijtihad Sahabat

- Hal ini dapat dilihat dalam penetapan sesebuah dasar seperti Dasar Jihad dan Perang.
- Dasar ini telah melalui proses penelitian dan hasil ijmak para sahabat pada waktu itu yang mengisytiharkan kewajipan bagi berperang dengan Rom dan Parsi.
- Selain itu, Dasar Ekonomi yang ditetapkan juga selari dengan syariah Islam seperti penetapan kadar cukai seperti jizyah dan zakat.

2) Dasar yang Lebih Terbuka kepada Pembaharuan daripada Rom dan Parsi

- Menjelang era penaklukan ke atas Rom dan Parsi, Khalifah Umar telah mendapati dalam terdapat kelebihan dari segi pengurusan harta dalam sistem birokrasi Rom dan Parsi.
- Justeru, Khalifah Umar melakukan hal yang sama bagi menempatkan semua harta negara bagi tujuan pengumpulan dan penggunaan hasil negara (Baitulmal).
- Selain itu, Khalifah Umar turut melaksanakan beberapa system birokrasi untuk melicinkan pentadbiran negara. Antaranya, penyaluran aduan yang lebih telus dan terus Kepada Khalifah.

3) Berlandaskan Syura

- Setiap dasar yang diputuskan oleh Khalifah perlu melalui proses perbincangan Ahli Majlis Syura.
- Hal ini bertujuan bagi mengelakkan Khalifah agar terkeluar daripada landasan syariah Islam dalam penetapan hukum selain menggunakan emosi.

4) Pemeliharaan Akidah

- Hal ini amat ditekankan dalam Khulafa ar-Rasyidin. Berbeza dengan khalifah-khalifah Islam setelahnya.
- Dasar akidah amat menjadi komitmen utama kerajaan. Seperti pemerangan ke atas golongan riddah yang mengancam akidah umat Islam.

5) Khalifah Hidup Sederhana

- Inilah satu-satunya ciri yang membezakan Khulafa' ar-Rasyidin dengan khalifah selepasnya.
- Khalifah Khulafa' ar-Rasyidin rata-ratanya hidup dalam keadaan sederhana bahkan Khalifah itu miskin disebabkan menjawat jawatan tersebut.

6) Kaedah Pemilihan Khilafah

- Kaedah pemilihan Khilafah amat berbeza dengan sistem setelahnya. Khulafa ar-Rasyidin rata-ratanya menggunakan kaedah syura, iaitu perbincangan sesama umat Islam (pendapat umum) untuk melantik seorang pemerintah tunggal.

- Hal ini berbeza dengan demokrasi moden yang mengkhususkan Ahli Parlimen yang memenangi pilihan raya sahaja yang memilih calon Perdana Menteri/Presiden.

7) Kebebasan Bersuara Rakyat

- Khulafa' ar-Rasyidin sangat terbuka kepada aduan dan keluhan rakyat.
- Bahkan, Khalifah sendiri mendengar keluhan mereka.
- Keluhan ini berupa dalam aduan terus dan aduan melalui para gabenor. Kesemua ini diambil berat oleh pemerintah.

CABARAN DAN KRISIS SEPANJANG KE“KHALIFAH”AN ISLAM

CABARAN DAN KRISIS SEPANJANG KE“KHALIFAH”AN ISLAM	
Fitnah dan Mehnah	Krisis ini berlaku akibat lahirnya fitnah dalaman Kerajaan Islam yang menuduh berlakunya penyelewengan oleh Khalifah Uthman Ibn Affan r.a. Kesan fitnah ini, pemberontakan mulai tercetus di Madinah dan akhirnya, Khalifah Uthman terbunuh. Impak pembunuhan ini telah mencetuskan pelbagai reaksi pemimpin. - Sayidina Ali r.a., telah dibaiah oleh penduduk Madinah bagi menyelesaikan permasalahan ini. - Bagi Gabenor Syam, Sayidina Muawiyah Ibn Abi Sufyan yang merupakan kerabat Uthman menuntut “qisas” ke atas pembunuh Uthman. - Berlaku pergeseran dan akhirnya tercetus perang Siffin. - Perang Jamal turut pecah apabila wujudnya ketidakfahaman antara sahabat dengan Ummul Mukminin Aisyah r.ha..
Perpecahan dalam Pelantikan Khalifah Pasca Khalifah Hasan	Melihat keadaan Kerajaan Islam yang terbelah dua, sebuah pihak menyokong Khalifah Hasan di Kufah dan sebuah pihak menyokong Gabenor Syam, Sayidina Muawiyah. Akhirnya, Khalifah Hasan menyerahkan baiahnya kepada Muawiyah dan menjadi Khalifah. Isunya bermula, apabila Muawiyah menabalkan anakandanya, Yazid Ibn Muawiyah sebagai Khalifah melalui proses monarki, bukannya kaedah syura. Hasilnya, mencetuskan ketidakpuasan hati kaum Muslimin dan mencetuskan perpecahan. Wujudnya kerajaan-kerajaan kecil yang “mufaraqah” (berpisah) daripada Daulah Umayyah yang menyebabkan kerajaan Muawiyah mengambil tindakan tegas (Peristiwa al-Harrah).

Implikasi Kejatuhan Uthmaniyyah 1924	Kejatuhan Uthmaniyyah sebenarnya telah bermula sekitar pasca kemangkatan Sultan Suleyman Qanuni lagi. Faktor utama kejatuhan Khalifah Uthmaniyyah adalah berpunca daripada: - Kelemahan pentadbir. - Menolak kemajuan. - Campur tangan asing dalam negara Ekoran itu, Kerajaan Uthmaniyyah mulai terumbang-ambing. Sultan Abdul Mejid I memperkenalkan Langkah Tanzimat untuk membangunkan kembali Uthmaniyyah. Namun, dasar ini sendiri merugikan Uthmaniyyah dan akhirnya, Uthmaniyyah mulai tewas satu demi satu dalam pertempuran dan kemuncaknya, Uthmaniyyah tewas dalam Perang Dunia Pertama. Kesan daripada kekalahan ini, Uthmaniyyah mulai terkubur dan kebangkitan kuasa baharu, iaitu Pasukan Pembebasan Rakyat menubuhkan Republik Turki. Tanah jajahan Uthmaniyyah dibahagikan satu demi satu melalui perjanjian Sykes Picot, Deklarasi Balfour, Perjanjian Sevres dan Laussane.
--	---

PENUTUP

Mempelajari dan memahami sistem Khalifah merupakan suatu hal yang menjadi keperluan bagi seorang Muslim yang mencintai warisan ke“khalifah”an dan sejarah Islam. Bukan sekadar itu, sistem Khalifah merupakan sebuah warisan pemerintahan Islam yang membuktikan bahawa dengan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan dan rujukan utama dalam pemerintahan merupakan suatu hal yang benar dan menjadi contoh yang terbaik bagi pemimpin-pemimpin yang datang terkemudiannya.

SESI KEDUA

LATAR BELAKANG KHULAFa' AR- RASYIDIN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta dapat mengenal pasti peristiwa-peristiwa penting yang berlaku selepas hijrah ke Habsyah dan memahami latar belakang setiap khalifah.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Latar Belakang setiap Khulafa' Ar-Rasyidin
- Keistimewaan setiap Khulafa' Ar-Rasyidin
- Perwatakan dan Sumbangan setiap Khulafa' Ar-Rasyidin

SESI KEDUA: LATAR BELAKANG KHULAFAT AR-RASYIDIN

PENDAHULUAN

Khulafat Rasyidin merupakan sebuah era ke“khalifah”an awal selepas era nubuwwah, (Rasulullah SAW). Era ini merupakan era pembinaan awal negara Islam dan penerusan daripada usaha-usaha yang diasaskan oleh Rasulullah SAW. Hal ini juga telah menjadi titik awal perluasan kuasa kerajaan Islam bermula dari sebatas Jazirah Arab dan kini menjangkau ke Rom dan Parsi.

Pada era ini, terdapat empat khilafah yang dilantik melalui kaedah yang berbeza ketika menjawat sebagai perjawatan ketua negara Islam ini. Kaedah inilah yang membezakan kerajaan ini dengan kerajaan Islam setelahnya yang majoritinya menggunakan kaedah pemilihan autokratik (Monarki Mutlak).

KHALIFAH ABU BAKAR AS-SIDDIQ

Nama sebenarnya ialah Abdullah Ibn Quhafah. Beliau lahir sekitar 2 tahun setelah Tahun Gajah. Beliau berasal daripada jalur keturunan Bani Tamim dan beliau bergelar as-Siddiq, iaitu “yang membenarkan”. Gelaran ini diberikan kepadanya disebabkan sifatnya yang sentiasa membenarkan setiap yang dituturkan oleh Rasulullah SAW, terutamanya dalam Peristiwa Israk dan Mikraj. Beliau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Rasulullah SAW melalui puterinya, Sayyidatina Aisyah r.ha..

Kehidupan awalnya direkodkan dalam catatan sejarah Islam yang mencatatkan bahawa Sayyidina Abu Bakar r.a. merupakan seorang yang berharta. Sifatnya yang pemurah telah mencerminkan keperibadiannya yang mulia dan pemurah. Ditambah lagi dengan akhlak dan perwatakannya yang lembut menjadikannya sebagai salah seorang pembesar dan bangsawan kabilah Quraisy yang ternama.

Beliau merupakan lelaki dewasa yang pertama memeluk agama Islam. Apabila sampai dakwah Islam kepadanya, beliau dengan tuntasnya menyatakan kesediaannya memeluk agama Islam. Pemeluk Agama Islam oleh Sayidina Abu Bakar telah menarik para sahabat seperti Abu Ubaidah Al-Jarrah, Abdurrahman Auf dan ramai lagi sahabat yang bersama dengannya.

Perjalanan Sayyidina Abu Bakar dan Rasulullah SAW

Antara kisah yang sering diperkatakan tentang Sayyidina Abu Bakar ini adalah ketika peristiwa hijrah. Beliau dan Rasulullah SAW mengharungi perjalanan yang mencabar bagi melaksanakan perintah hijrah oleh Allah SWT. Pada ketika itu, pemimpin kafir Quraisy berbondong-bondong mencari di mana keberadaan Rasulullah SAW. Salah satunya, keberadaan Rasulullah SAW dan Sayyidina Abu Bakar di Gua Tsur. Rasulullah SAW melihat kebimbangan Sayidina Abu Bakar, lantas turunlah wahyu daripada Allah SWT berkenaan kebimbangan Sayyidina Abu Bakar ini,

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَى ۗ وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٤٠

Maksudnya: “Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedangkan dia salah seorang daripada dua (sahabat) ketika mereka berlindung di dalam gua. Pada ketika itu, dia berkata kepada sahabatnya: ‘Janganlah kamu berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita.’ Maka, Allah menurunkan ketenangan kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terbawah (kalah dengan sehinahinanya) dan kalimah Allah (Islam) adalah yang tertinggi (selama-lamanya) kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah at-Taubah 9: 40)

Keutamaan Sayidina Abu Bakar as-Siddiq

Sayidina Abu Bakar as-Siddiq merupakan antara sahabat yang utama daripada sekian ramainya sahabat ajmain. Beliau juga tergolong dalam kalangan “sahabat yang dijamin syurga” oleh Rasulullah SAW. Antara keutamaan Sayidina Abu Bakar yang disebut dalam dalil dan nas adalah:

- Keakraban Baginda SAW dengan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq

Dalam sebuah hadis daripada Abu Sa’id al-Khudri, Rasulullah SAW bersabda:

وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا خَلِيلًا مِنْ أُمَّتِي لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ، وَلَكِنْ أَخُوهُ الْإِسْلَامِ وَمَوَدَّتُهُ، لَا يَبْقَيْنَ فِي الْمَسْجِدِ بَابٌ إِلَّا سَدَّ إِلَّا بَابَ أَبِي بَكْرٍ."

Maksudnya: *“Seandainya aku boleh menjadikan teman yang paling rapat daripada kalangan umatku, sudah tentu aku akan memilih Abu Bakar. Akan tetapi, mengumumkan persaudaraan dan kasih sayang kepada orang Islam itu lebih utama. Sesungguhnya, tidak ada satu pun pintu untuk masuk ke masjid yang kekal melainkan akan tertutup, kecuali pintu Abu Bakar.”*

(Riwayat al-Bukhari, 466)

- Sifat Sayidina Abu Bakar as-Siddiq

وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ ۖ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Maksudnya: *“Dan (nyatalah bahawa) yang membawa kebenaran (tauhid dan hukum agama) serta ia (dan pengikut-pengikutnya) mengakui kebenarannya (dengan mematuhi hukum itu), mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.”*

(Surah az- Zumar 39: 33)

Lafaz “وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ” merujuk kepada Nabi Muhammad SAW, manakala lafaz “وَصَدَّقَ بِهِ” dimaksudkan sebagai “orang yang membenarkan”. Ia telah ditafsirkan oleh Imam Ibn Jarir dengan sanad kepada Sayyidina Ali Karramallahu Wajhah bahawa lafaz tersebut merujuk kepada Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq RA. (Jāmi' al-Bayān, 3/34).

Berdasarkan dua dalil ini jelaslah bahawa Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq merupakan antara sahabat Nabi SAW yang wajar dimuliakan dan tidak sewajarnya umat Islam mencelanya dan menggelarkan dengan hal hal yang buruk. Isyarah kepada pelantikan Khalifah ini telah melalui Ijtihad dan Ijmak para sahabat usai kewafatan Rasulullah SAW melalui penunjukkan beliau sebagai Imam solat yang menggantikan Baginda SAW ketika gering.

Berdasarkan isyarah itu, maka para sahabat berijtihad bahawa itulah isyarah bahawa Sayidina Abu Bakar As-Siddiq menjadi khalifah usai daripada kewafatan baginda SAW. Beliau kemudiannya menjawat sebagai Khalifah dan bertahan selama 2 tahun. Kewafatan beliau berpunca dari demamnya yang panjang. Sakit yang sama seperti dialami oleh sahabatnya, Rasulullah SAW. Akhirnya, beliau dimakamkan disamping sahabatnya di Raudhah. Tenanglah dikau wahai sahabat Rasul yang Mulia.

KHALIFAH UMAR AL-KHATTAB

Nama penuhnya ialah Umar Ibn al-Khattab. Beliau lahir 13 tahun setelah peristiwa tahun bergajah. Beliau berasal daripada Bani 'Adiy dan beliau digelar dengan gelaran al-Faruq, iaitu seseorang yang dapat membezakan yang haq dan batil. Hubungan beliau dengan Rasulullah SAW adalah melalui pernikahan puterinya, iaitu Hafsa binti Umar r.ha. dengan Rasulullah SAW.

Catatan awal sejarah Islam mencatatkan bahawa beliau merupakan salah seorang lelaki yang perkasa dan keras perwatakannya. Ketangguhannya atau kejaguhannya dalam medan perang dan gusti merupakan suatu hal yang terkenal baginya. Ayahnya, Al- Khattab telah mendidiknya dengan kekerasan, iaitu dengan menjadikannya pekerja yang

mengangkat kayu dan bahan api. Kekerasan hidup bersama ayahnya menjadikan perwatakannya menjadi begitu keras di kemudian hari.

Masyhur pengislamannya melalui bacaan surah Taha ayat 1-5. Melalui pengislamannya, maka umat Islam di Makkah mulai tenang dan dapat menghindar daripada sebarang ancaman oleh pihak kafir Quraisy. Menjelang penghijrahan Islam ke Madinah, beliau menawarkan dirinya untuk diburu oleh pihak kafir Quraisy. Namun, kehebatannya mendahului kehendak kafir Quraisy.

Kehebatan Sayidina Umar di Medan Jihad

Di medan jihad, Sayidina Umar menampilkan sisi keperkasaannya yang tangguh. Beliau meletakkan dirinya sebagai benteng utama bagi mempertahankan maruah dan kemuliaan Islam. Bahkan salah satu ucapannya yang masyhur iaitu,

“Sesungguhnya kita semua ini adalah sehina-hina manusia, adapun kamu semua dimuliakan Allah dengan Islam, sekiranya kita mencari kemuliaan selain Islam sudah tentu kita akan dihina oleh Allah.”

Sungguh sebelum pengislamannya, beliau merupakan seorang yang keras terhadap setiap suatu hal. Namun, setelah pengislamannya, hatinya menjadi lembut dan sangat mendambakan cinta Allah dan Rasulnya.

Keutamaan Sayidina Umar al-Khattab

Keutamaan Sayidina Umar dapat dilihat daripada kebijaksanaannya dalam melaksanakan suatu hal. Beliau juga dapat merangka sebuah pemikiran yang baik dan dapat mengusulkan suatu cadangan yang matang apabila diminta oleh Rasulullah SAW. Di samping itu, kepakarannya dalam ilmu al-Quran dan pengalamannya bersama Rasulullah SAW menjadikan dirinya sebagai seorang sahabat yang menjadi rujukan para sahabat yang lain.

- Kebijaksanaan Sayidina Umar al-Khattab

Kebijaksanaan Sayidina Umar ini pernah dipuji Baginda SAW sebagaimana sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ جَعَلَ الْحَقَّ عَلَى لِسَانِ عُمَرَ وَقَلْبِهِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT menempatkan kebenaran pada lisan Umar dan hatinya.*”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 3682)

Dalam hadis yang lain juga menyatakan hal yang sama tentang kebijaksanaan Sayidina Umar ini, Rasulullah SAW juga bersabda:

لَقَدْ كَانَ فِيمَا قَبْلَكُمْ مِنَ الْأُمَمِ مُحَدَّثُونَ، فَإِنْ يَكُ فِي أُمَّتِي أَحَدٌ فَإِنَّهُ عُمَرُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya pada umat-umat sebelum kamu terdapat manusia yang diberi ilham (walaupun tidak menjadi nabi). Jika ada yang seperti itu di antara umatku maka dia adalah Umar.*”

(Riwayat al-Bukhari [3689])

Berdasarkan dua dalil ini jelas bahawa keutamaan Sayidina Umar ini telah diakui oleh Baginda Nabi SAW dalam kebijaksanaannya. Beliau kemudiannya menjawat jawatan Khalifah hasil daripada wasiat Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq. Beliau kemudiannya menjawat jawatan ini dan telah melaksanakan pelbagai dasar baharu dalam negaranya. Beliau kemudiannya syahid ditikam oleh Abu Lu'luah ketika solatnya dan enam hari kemudian, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di Madinah. Beliau dimakamkan di samping dua sahabatnya, iaitu Rasulullah SAW dan Sayyidina Abu Bakar r.a..

KHALIFAH UTHMAN IBN AFFAN

Latar Awal Sayidina Uthman Ibn Affan

Nama penuhnya ialah Sayidina Uthman Ibn Affan. Beliau lahir enam tahun selepas peristiwa tentera bergajah. Beliau berasal daripada keturunan Bani Umayyah dan beliau digelar Dzu-Nur'ain yang membawa maksud pemilik dua cahaya mata Rasulullah SAW. Hubungannya dengan Rasulullah SAW adalah hasil pernikahannya dengan puteri Rasulullah SAW, iaitu Sayidatina Ruqayyah dan Ummu Kulthum. Beliau juga merupakan antara sahabat yang dijamin syurga oleh Rasulullah.

Perwatakan dan Sumbangannya

Perwatakannya terkenal dalam catatan sejarah Islam dengan kelembutannya dalam tutur dan tingkahnya. Jasa Sayidina Uthman ini dapat dilihat daripada penyerahan dan infaqnya untuk kegunaan umat Islam di Madinah. Ketika Umat Islam tidak mampu untuk bersaing dengan bangsa Yahudi di Madinah, Sayidina Uthman datang dengan membawa perdagangan Islam dan berjaya menundukkan orang kaya Yahudi sekali gus menguasai pasar Madinah yang sebelumnya dikuasai oleh Yahudi sepenuhnya.

Jasanya tidak terhenti di situ, Sayidina Uthman juga telah mewakafkan telaga bagi kegunaan umat Islam dan sehingga kini. Air dari telaga ini menjadi manfaat untuk umat Islam hingga kini.

Keutamaan Sayidina Uthman Ibn Affan

Sayidina Uthman Ibn Affan terkenal dengan sifat pemurahnya dan ketaatannya kepada Allah dan Rasul. Sifatnya ini telah disebutkan dalam banyak periwayatan tentang keutamaannya dalam Islam.

- Berita Kesyahidan Sayidina Uthman oleh Rasulullah SAW

Sungguh, Baginda merupakan seorang Rasul yang Amin, Baginda telah menyatakan sejak Pertempuran Uhud bahawa suatu ketika nanti bahawa akan berlakunya kesyahidan ke atas Sayidina Uthman. Hal ini disabdakan oleh Rasulullah melalui riwayat daripada Qatadah, bahawasanya Anas bin Malik r.a. menyampaikan kepada mereka:

Maksudnya: “Nabi SAW mendaki Gunung Uhud bersama Abu Bakar, Umar dan Uthman . Tiba-tiba Gunung Uhud bergoncang. Maka Baginda berkata: ‘Diamlah wahai Uhud kerana sesungguhnya di atasmu ada seorang Nabi, Siddiq (Abu Bakar) dan dua orang syahid (Umar dan Uthman).’”

(Riwayat al- Bukhari [3675])

Daripada hadis ini dapat dilihat bahawa suatu ketika nanti akan berlakunya kesyahidan atas dua sahabat, iaitu Umar dan Uthman. Dan hal ini ternyata benar, apabila menjelang hujung pentadbirannya, beliau kemudiannya dibunuh oleh para pemberontak.

- Kedermawanan Sayidina Uthman

Ketika semboyan Perang Tabuk dilaungkan di Madinah, umat Islam berpusu-pusu untuk menginfakkan harta mereka untuk perjalanan ini. Sayidina Uthman menawarkan sejumlah yang besar bagi infak perang ini. Baginda SAW kemudiannya bersabda,

مَا ضَرَّ عُثْمَانَ مَا عَمِلَ بَعْدَ الْيَوْمِ

Maksudnya: “Tidak akan membahayakan Uthman apa yang dia lakukan setelah hari ini. Tidak akan membahayakan Uthman apa yang dia lakukan setelah hari ini.”

(Riwayat al-Tirmizi [3701])

Direkodkan, kekayaan Sayidina Uthman yang disumbangkan dalam perang ini sebesar 900 ekor unta, 100 ekor kuda dan 1000 dinar (Rahiq al-Makhtum). Jika dikira dengan angka moden adalah:

1 ekor unta = RM4760 (harga semasa)

900 ekor unta = RM4,284,000

1 ekor kuda = RM33,000 (harga semasa, kuda Arab)

100 ekor kuda = RM3,300,000

1 dinar emas = RM2,117 (harga semasa)

1000 dinar emas = RM2,117,000

Jumlah keseluruhan harta yang diinfakkan oleh Sayidina Uthman dalam ekspedisi Tabuk ini adalah sebanyak RM9,701,000 (kiraan moden).

Kewafatan Sayidina Uthman

Beliau dilantik menjadi khalifah hasil daripada perbincangan Ahli Syura bagi menjawat jawatan ini. Beliau memerintah kerajaan Islam sepanjang 12 Tahun dan 6 tahun pertamanya mencatat kegemilangan yang luar biasa seperti perluasan kuasa laut Islam, perluasan daulah Islam di Afrika Utara dan Andalus. Manakala, 6 tahun berikutnya menyaksikan timbulnya fitnah dalam kerajaan Islam (akan dibahasakan dalam tajuk Fitnah) dan akhirnya pemberontakan pun pecah dan Khalifah Uthman terbunuh dalam pemberontakan ini.

SAIDINA ALI IBN ABI TALIB

Latar Awal Sayidina Ali RA

Sayidina Ali r.a. merupakan menantu Rasulullah yang menikahi anakanda Rasulullah, iaitu Sayidah Fatimah binti Muhammad SAW. Beliau merupakan sepupu Rasulullah dan keluarga terdekat kepada Rasulullah SAW. Nama penuhnya, Ali bin Abi Talib r.a. bin Abdi Manaf bin Abdul Mutalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Kaab bin Luai bin Ghalib bin Fihri bin Malik bin An-Nadhar bin Kinanah.

Kepahlawanan dan keilmuan Sayidina Ali r.a. merupakan identiti yang dikenali dalam sejarah berkenaan beliau. Kesanggupannya untuk mengganti tempat tidur Rasulullah SAW semasa hijrah merupakan antara bibit awal keberaniannya dalam membela Rasulullah SAW. Kepahlawanannya mulai bersinar apabila beliau telah dipilih oleh Sayidina Hamzah r.a. dalam duel fight (satu lawan satu) antara panglima Quraisy dan panglima pasukan Madinah dalam peperangan Badar.

Begitu juga dalam peperangan Uhud, beliau telah menumpaskan lawannya dan beliau juga telah menumpaskan lawannya yang lebih besar tubuhnya dalam peperangan Khandak. Kesemua ini merupakan kisah kepahlawanan beliau dalam membela agama Islam. Keilmuan beliau merupakan salah satu kelebihan yang ada pada beliau. Rasulullah SAW bersabda, “Aku adalah pusat segala hikmah dan Ali adalah pintunya (Hadis Riwayat Tirmizi: 3723).

Ali r.a. juga merupakan kanak-kanak pertama yang memeluk agama Islam. Beliau antara orang yang terkenal dengan kefaqihannya dalam sesuatu bidang dan hal serta menjadi

badan penasihat Khalifah dalam majlis Syura. Beliau juga merupakan antara 10 orang yang dijamin syurga oleh Rasulullah SAW.

Penulis Surat Rasulullah SAW semasa Perjanjian Hudaibiyah

Sewaktu perjanjian Hudaibiyah dimeterai antara pihak Muslimin dan Quraisy. Rasulullah SAW telah melantik Ali r.a. sebagai penulis Baginda dalam menulis surat perjanjian antara kedua-dua belah pihak. Pada kepala surat, Ali r.a. telah memulakan surat tersebut dengan nama Allah, iaitu “Bismillahirrahmanirrahim.” Lantas, wakil Quraisy Suhail bin Amru mempersoalkan berkenaan kalimah tersebut. “Siapa ar-Rahman? Tulis sahaja Bismika Allahumma.”

Kemudian, Rasulullah SAW melanjutkan lagi. “Inilah perjanjian yang dibuat oleh Muhammad Rasulullah.” Suhail bin Amru sekali lagi membangkang. “Perjanjian ini dibuat antara aku dan Muhammad bin Abdullah. Jikalau aku mengakui kamu sebagai rasul, aku tidak akan menghalangi perjalanan kamu ke Mekah untuk menunaikan umrah dan tidak memerangi kamu. Tulis sahaja ‘Muhammad bin Abdullah’.” Rasulullah SAW menjawab, “Walau bagaimanapun kamu mendustai, aku tetap Rasulullah.” Baginda meminta agar dipadam berkenaan yang diminta oleh Suhail bin Amru.

Namun, pada kali ini Ali r.a. tidak ingin menukarnya dan Ali r.a. kekal dengan pendiriannya tentang kalimah “Muhammad Rasulullah”. Akhirnya, Rasulullah SAW sendiri memadamkan kalimah tersebut untuk meredakan keadaan yang tegang antara Ali r.a. dengan Suhail bin Amru. Perjanjian tersebut akhirnya termeterai antara kedua-dua belah pihak dan dipersetujui oleh kedua-dua sekutu, iaitu Bani Bakr dan Bani Khuza’ah.

Kegagahannya di Medan Perang

Sewaktu peperangan di Badar, Hamzah r.a. telah menyebut tiga panglima untuk berhadapan dengan panglima Quraisy, iaitu beliau sendiri, Ubaidah bin al-Harith r.a. dan Ali bin Abi Talib. Lawan mereka ialah Walid bin Utbah, Utbah bin Rabi’ah dan Syaibah bin Rabi’ah. Masing-masing tampil ke tengah medan perang untuk berhadapan antara satu sama lain. Pada peringkat awal, Hamzah r.a. dan Ali r.a. telah berjaya menewaskan lawan mereka. Namun, Syaibah bin Rabi’ah berjaya melukai lawannya, iaitu Ubaidah al-Harith r.a.. Akhirnya, perlawanan itu berakhir dengan kemenangan pasukan Islam.

Sewaktu peperangan Khandak, sebuah parit yang panjang telah dibina oleh pasukan Muslimin untuk menghadang kemaraan pasukan Quraisy. Pada ketika itu, pasukan Quraisy dikenali sebagai pasukan Ahzab kerana gabungan antara Bani Murrah, Asyjaie, Ghotofan, Sulaim, Asad dan gabungan pasukan Yahudi Bani Nadhir. Jumlah keseluruhan pasukan ini seramai 10 000 orang. Pasukan ini mara ke arah kota Madinah dan tiba pada bulan Syawal tahun 5 Hijrah. Pada ketika itu, pasukan Muslimin seramai 3 000 orang. Kedudukan pasukan Muslimin berada di antara pasukan Ahzab dan di belakang mereka merupakan Bani Quraizah yang telah memeterai untuk terus setia dalam Piagam Madinah.

Pasukan Quraisy telah tiba di hadapan parit ini dan menghantar sebuah ketumbukan berkuda untuk melintasi parit yang dibuat oleh pasukan Muslimin. Pasukan ini dipimpin oleh Amru bin Abdu Wud dan Ikrimah Abu Jahal. Pasukan Amru bin Abdu Wud ini berjaya menyeberang ke kota Madinah. Amru bin Abdu Wud terkenal dengan kebengisan dan kegagahan serta mahir dalam bermain pedang mencabar mana-mana lawan untuk bertarung dengannya.

Cabarannya disahut oleh Ali r.a.. Amru bin Abdu Wud meremehkan lawannya dengan mengejeknya, "Pulanglah, demi Allah aku tidak ingin membunuhmu." Ali r.a. menjawab dengan tegas, "Demi Allah, aku ingin membunuhmu." Cabaran disahut, pedang berdenting. Ali r.a. dengan tangkas mengilas semua serangan Amru bin Abdu Wud yang lebih tua berbanding Ali r.a.. Dalam kepenatan menyerang, Ali r.a. menemui titik kelemahan Amru bin Abdu Wud dan menikamnya. Maka, terbunuhlah Amru bin Abdu Wud dalam kesombongannya.

Kegagahannya juga tercatat ketika terdetusnya pertempuran Khaybar yang pada ketika itu pasukan Muslimin berhadapan dengan sebuah kota yang kukuh dan ampuh milik Yahudi Bani Khaybar. Pertempuran ini berlaku pada tahun ketujuh Hijrah. Di kota Khaibar ini mengandungi beberapa benteng di dalamnya. Kesemua benteng dan kubu telah berjaya ditumpaskan oleh pasukan Muslimin kecuali kubu al-Watih dan as-Sulalim. Benteng ini merupakan antara benteng yang terkuat dalam kompleks kota Khaibar.

Sayidina Abu Bakar r.a. mengambil panji pasukan dan memimpin pasukan Muslimin dan beliau kembali tanpa kemenangan. Panji pasukan diberikan pula kepada Sayidina Umar r.a.. Umar r.a. juga tidak berjaya untuk menakluk benteng tersebut. Rasulullah SAW

bersabda bahawa panji pasukan akan diberi kepada orang yang dikasihi oleh Allah dan Rasulnya. Para sahabat bertanya-tanya siapa gerangan tersebut.

Tiba-tiba, Rasulullah SAW bertanya, “Di mana Ali r.a.?” Para sahabat memberitahu bahawa beliau sedang menghadapi sakit mata. Rasulullah SAW memanggilnya dan Ali r.a. tiba di hadapan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW menyembuhkan matanya Ali r.a. dengan mukjizat Baginda dan menyerahkan panji pasukan kepada Ali r.a.. Tampilah Ali r.a. dengan gagahnya ke hadapan benteng Yahudi dan mencabar para pasukan Yahudi agar berhadapan dengannya secara duel fight. Dua panglima Yahudi yang gagah keluar, iaitu Al-Harith bin Abu Zainab dan Marhab bin Abu Zainab. Kedua-duanya ditumpaskan oleh Ali r.a.. Ali r.a. seterusnya mara ke arah gerbang kota dan menyerbu ke dalam kota dan akhirnya, kota Khaibar ditakluk sepenuhnya oleh pasukan Muslimin.

Akhir Kehidupannya

Setelah Majlis Tahkim dimeterai antara Ali r.a. dengan Muawiyah r.a., muncul sebuah pihak yang keluar daripada kelompok penyokong Ali r.a.. Kelompok ini digelar Khawarij. Kelompok ini telah berkomplot untuk membunuh kesemua pihak yang terlibat dalam Majlis Tahkim, iaitu Ali r.a., Muawiyah r.a. dan Amru al-As r.a.. Pembunuhan tokoh ini dirancang ketika mereka sedang leka dan waktu paling sesuai adalah ketika waktu solat sebagaimana pembunuhan Khalifah Umar r.a.. Ketiga-tiga watak pembunuh ini ialah Abdul Rahman bin Muljam yang akan membunuh Ali r.a., Burak bin Abdillah akan membunuh Muawiyah r.a. dan Amru bin Bakr akan membunuh Amru al-As r.a.. Ibnu Muljam kemudiannya bergerak ke Kufah, ibu kota pentadbiran Ali r.a..

Ketika ini, Ibnu Muljam telah berkomplot dengan tiga orang dari Kufah yang turut menyimpan dendam kepada Ali r.a. kerana terbunuhnya saudara mereka dalam pertempuran Nahrawan. Mereka ialah Syabib bin Bajrah Al-Asyjai'e dan Wardan Al-Mujalid dari Taim Ar-Ribab. Ketiga-tiga ini berdiri di muka pintu seperti kebiasaan Ali r.a. keluar. Ketika itu, Ali r.a. keluar untuk membangunkan penduduk sekitar menunaikan solat subuh. Syabib segera menyerang Ali r.a. dan mengenai leher Ali r.a. dan Ibnu Muljam menyambung untuk menyerang Ali r.a. seraya berkata, “Tidak ada hukum kecuali milik Allah, bukan milikmu dan bukan milik kawan kawanmu, hai Ali!”

Ali r.a. berteriak, “Tangkap mereka!” Wardan berjaya dibunuh, Syabib berjaya meloloskan diri daripada orang ramai dan Ibnu Muljam diberkas oleh orang ramai. Ibnu Muljam dijatuhkan hukuman pancung dan Ali r.a., kemudiannya menghembuskan nafasnya yang terakhir. Beliau telah terbunuh pada 17 Ramadhan tahun 40 Hijrah.

PENUTUP

Daripada keperibadian keempat-empat khalifah ini, dapatlah kita simpulkan bahawa kelayakan mereka ini melebihi “bare minimum” sebagai seorang Khalifah, bahkan mereka inilah yang layak menjawat jawatan ini. Kita lihat kebenaran Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq, kebijaksanaan Sayidina Umar, hikmahnya Sayidina Uthman dan tajamnya akal Sayidina Ali telah membentuk sesebuah identiti kerajaan Khulafa Rasyidin sebagai sebuah model Kerajaan Islam yang terawal.

SESI KETIGA

PROSES PEMILIHAN KHULAFAH' AR-RASYIDIN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta dapat memahami proses pelantikan Khulafa ar-Rasyidin dan ciri-ciri atau kriteria seorang Khalifah.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Cabaran Selepas Kewafatan Nabi SAW
- Proses Pemilihan Sayidina Abu Bakar r.a.
- Proses Pemilihan Sayidina Umar al-Khattab r.a.
- Proses Pemilihan Sayidina Uthman bin Affan r.a.
- Proses Pemilihan Sayidina Ali bin Abi Talib r.a.

SESI KETIGA: PROSES PEMILIHAN KHULAFAH' AR-RASYIDIN

PENDAHULUAN

Khulafa ar-Rasyidin merupakan sebuah kerajaan yang sangat berbeza dengan corak pemerintahan kerajaan Islam yang ada selepasnya. Pada era Khulafa ar-Rasyidin, terdapat beberapa kaedah pelantikan Khalifah yang dijadikan sebagai kaedah pelantikan pemerintah kerajaan Islam. Kaedah inilah yang membentuk keunikan kerajaan Khulafa ar-Rasyidin. Berbeza dengan kerajaan Islam setelahnya yang majoritinya menggunakan kaedah pemerintahan autokratik/monarki.

CABARAN SELEPAS KEWAFATAN NABI SAW

Kewafatan Rasulullah SAW yang berlaku pada 12 Rabiulawal, bersamaan 8 Jun 632M telah membuka ruang dimensi dan cabaran baharu untuk umat Islam. Sebelumnya, kepimpinan telah dipegang sepenuhnya oleh Rasulullah SAW dan Baginda SAW tidak meletakkan calon setelahnya. Maka, persoalan tentang kepimpinan setelah Baginda telah dipersoalkan oleh umat Islam pada waktu itu. Oleh sebab Baginda tidak menamakan calon, maka hal ini telah membuka bibit-bibit awal peleraian dan konflik dalam kalangan umat Islam. Seawal pasca kemangkatan Rasulullah SAW, perpecahan tentang ini telah bermula dalam kalangan umat Islam bagi melantik “pengganti” (Khalifah) Rasulullah SAW. Masing-masing bersangka-sangka bahawa mereka layak dan mahu menjadi penerus Rasulullah SAW.

PEMILIHAN ABU BAKAR RA SEBAGAI KHALIFAH

Oleh sebab itu, sebahagian umat Islam (golongan Ansar) telah merasakan tanggungjawab untuk mengembalikan keadaan ini seperti awal selepas era Rasulullah SAW dengan menamakan pemimpin bagi menggantikan Rasulullah SAW. Golongan Ansar kemudiannya berkumpul di Saqifah Bani Sa'idah bagi menamakan calon pemimpin umat Islam. Sayidina Saad Ibn Ubadah telah dinamakan sebagai calon pemimpin pada waktu itu. Kesilapan

golongan Ansar pada waktu ini, tidak menjemput mana-mana wakil golongan Muhajirin yang ketika itu sibuk menguruskan jenazah Rasulullah SAW.

Maka, bergegas sahabat utama seperti Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayidina Umar al-Khattab dan Sayidina Abu Ubaydah al-Jarrah untuk menjadi perwakilan Muhajirin dalam proses ini. Ketika ini dua golongan, iaitu Muhajirin dan Ansar, masing-masing menyatakan hujah bagi melayakkan diri mereka sebagai Khalifah. Akhirnya, perbincangan antara Muhajirin dengan Ansar berakhir dengan pelantikan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq sebagai Khalifah pertama.

Daripada peristiwa ini dapat kita simpulkan bahawa sememangnya berlaku sedikit pergeseran pendapat antara Muhajirin dengan Ansar dalam pelantikan Khalifah ini. Di sisi pandang Syiah pula pertemuan Saqifah Bani Saidah ini merupakan pengkhianatan kepada Islam kerana merampas hak daripada Ahl Bayt yang pada waktu itu sibuk mengurus Rasulullah SAW. Namun, di sisi Ahl Sunnah, ini merupakan masalah yang lebih besar, iaitu umat Islam dan hal ini harus diselesaikan dengan segera jika tidak, ia akan mengakibatkan dampak yang buruk kepada umat Islam.

Maka, Sayyidina Abu Bakar dibaiah menjadi Khalifah yang pertama umat Islam. Daripada pelantikan Khalifah Abu Bakar ini juga dapat dilihat bahawa pentingnya perjalanan perbincangan syura dalam kalangan umat Islam bagi melantik seorang pemimpin yang dapat disepakati oleh semua pihak.

Cabaran Pasca Pelantikan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

Pascapelantikan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq menyaksikan penentangan yang luar biasa ke atas Khalifah Abu Bakar. Penentangan ini datang dari dua arah, iaitu dari penduduk Arab dan ancaman sempadan. Penentangan demi penentangan ini kemudiannya berjaya diselesaikan dalam tempoh tahun pertama beliau sebagai khalifah. Bagi membuktikan kesungguhan dasar luar Khalifah Abu Bakar ini, beliau telah meneruskan usaha yang dirintis oleh Rasulullah SAW, iaitu mengirim anakanda Sayyidina Zaid Ibn Harithah dan Usamah Ibn Zaid ke sempadan Rom.

Jika secara kasar, penghantaran tentera ini adalah satu kelompongan buat kerajaan Islam kerana di saat munculnya konflik dalaman, Khalifah Abu Bakar as-Siddiq sempat mengirim pasukannya ke luar. Tetapi, inilah kelebihan beliau. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq melihat dengan kaca mata “real politic”. Beliau mengirim dan terus mengirim pasukan ini kerana baginya, kerajaan musuh dan luar tidak sepatutnya melihat ancaman dalaman melemahkan sendi dan struktur kerajaan. Justeru, pengiriman pasukan ini adalah wajar pada situasi tersebut.

Manakala, cabaran dalaman pula beliau mengalami penentangan daripada penduduk Arab yang pada waktu itu telah mengisytiharkan murtad dan mengisytiharkan tidak mahu berbaiah kepada Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Akhirnya, cabaran ini juga berjaya diuruskan dengan baik oleh beliau.

PEMILIHAN UMAR AL-KHATTAB SEBAGAI KHALIFAH

Berbeza dengan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, beliau telah dilantik secara terus oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq melalui pewasiatannya sebelum kemangkatannya. Beliau telah memasukkan namanya dalam wasiatnya bagi menggantikannya usai pemerintahannya. Persoalannya, mengapa Khalifah Abu Bakar melakukan hal ini? Bukankah ia bertentangan dengan konsep syura? Jawapannya, ada beberapa sebab utama mengapa Khalifah Umar dilantik secara terus oleh Khalifah sebelumnya.

Keutamaan Sayidina Umar al-Khattab

Dalam tajuk yang pertama, kita telah bahaskan keutamaan dan kebijaksanaan Sayidina Umar al-Khattab. Kebijaksanaannya dan keperkasaannya dalam medan perang tidak dapat dinafikan. Justeru, disebabkan keutamaan inilah menjadi salah satu faktor Khalifah Abu Bakar menamakan Sayyidina Umar sebagai penggantinya.

Keadaan Umat Islam yang Masih Rapuh

Pada waktu itu, umat Islam sedang menghadapi Perang Yarmuk yang ketika itu menentukan masa depan kerajaan Islam dan kerajaan Rom. Peperangan ini menentukan titik akhir antara dua kerajaan ini. Justeru, Khalifah Abu Bakar tidak menginginkan

berlakunya konflik perebutan kuasa dan perselisihan lagi seperti pelantikan Saqifah Bani Saidah lagi. Sebarang konflik yang berlaku di Madinah akan menjejaskan momentum jihad pasukan Islam di Yarmuk.

Ditambah lagi, jazirah Arab pada waktu itu baru sahaja diamankan oleh pasukan Islam dalam Operasi Riddah yang rata-ratanya masih baru lagi memeluk agama Islam. Oleh sebab faktor-faktor inilah, Khalifah Abu Bakar mengelakkan daripada konflik dan menamakan calon setelahnya iaitu, Sayidina Umar al-Khattab.

Pelantikan Khalifah Umar al-Khattab

Khalifah Umar al-Khattab dibaiah menjadi Khalifah oleh umat Islam setelah kewafatan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Khalifah Umar menggunakan gelaran Amirul Mukminin (Ketua Orang Mukmin) bagi menggantikan gelaran Khalifah-khalifah Rasulullah SAW. Dalam eranya, pelbagai pembaharuan dan pelaksanaan dasar baharu dilaksanakan bagi memakmurkan lagi Daulah Khulafa ar-Rasyidin ini.

PEMILIHAN UTHMAN IBN AFFAN SEBAGAI KHALIFAH

Akhir hayat Khalifah Umar berlaku ketika beliau sedang mengetuai solat di Masjid Nabawi dan beliau ditikam oleh Abu Lu'luah. Tikaman yang dibenamkan oleh Abu Lu'luah pada waktu itu sangat dalam ditambah lagi dengan belati yang digunakannya itu dilumur dengan racun. Khalifah Umar kemudiannya bertahan daripada kematiannya selama 6 hari dan dalam tempoh ini, beliau telah menamakan enam orang calon Ahli Syura dan dalam kalangan mereka ini perlu membincangkan siapa Khalifah penerusnya. Sahabat tersebut ialah:

- Sayidina Uthman Ibn Affan
- Sayidina Ali Ibn Abi Talib
- Sayidina Abdurrahman Ibn Auf
- Sayidina Thalha Ibn Ubaydillah
- Sayidina Zubayr Ibn Awwam
- Sayidina Saad Ibn Abi Waqqas

Enam orang sahabat ini wajib melantik salah seorang daripada mereka untuk menjawat jawatan Khalifah. Akhirnya, kata sepakat berjaya diputuskan dan sebulat suara menobatkan Sayidina Uthman Ibn Affan menjadi Khalifah melalui kaedah Syura tetapi dalam kelompok yang kecil.

Sepanjang tempoh pemilihan Khalifah ini, ahli Majlis Syura telah diberikan masa sehingga tiga hari oleh Khalifah Umar al-Khattab. Mereka ini sewajarnya berbincang dan bersepakat melantik Khalifah setelah Khalifah Umar Al-Khattab. Pada peringkat awal, Sayidina Abdurrahman Ibn Auf telah menarik diri daripada pencalonan dan bersedia menjadi orang tengah dalam negosiasi pelantikan ini. Akhirnya, tinggal calon berdua, iaitu Sayidina Uthman dan Sayidina Ali. Akhirnya, majoriti dalam ahli Syura ini kemudiannya bersetuju untuk memilih Sayidina Uthman sebagai Khalifah.

Khalifah Uthman Ibn Affan dan Konflik Dalaman Kerajaan Islam

Setelah berjalan 12 tahun kekhalfahan Sayidina Uthman Ibn Affan tercetus sebuah konflik yang sangat besar sehingga membangkitkan pelbagai pemberontakan ke atas pemerintahan Khalifah Uthman Ibn Affan. Tindakan pemberontakan ini berakhir dengan tindakan pemberontak menceroboh rumah Khalifah Uthman dan membunuh Khalifah Uthman. Suasana menjadi kacau-bilau. Ketiadaan Khalifah telah menyebabkan Madinah menjadi huru-hara. Ditambah lagi dengan kepulangan pasukan Islam dari sempadan ke Madinah makin meributkan keadaan pemberontak di Madinah.

PEMILIHAN ALI BIN ABI TALIB RA SEBAGAI KHALIFAH

Akhirnya, penduduk Madinah segera menemui Sayyidina Ali Ibn Abi Talib menobatkannya sebagai Khalifah setelah Sayyidina Uthman Ibn Affan. Pada awalnya, beliau ingin menolak. Namun, dikeranakan maslahah yang lebih besar iaitu keadaan umat Islam maka beliau menerima tanggungjawab ini dengan berat hati. Khalifah Ali kemudiannya menjawat jawatan ini dan akhirnya kerajaan Islam berjaya distabilkan semula sehingga kebangkitan penentangan Sayidina Muawiyah Ibn Abi Sufyan.

Pemerintahan Sayidina Ali tidak bertahan lama dek kerana pelbagai konflik yang timbul, yang akhirnya membawa kepada kemunculan sebuah kelompok baharu, iaitu Khawarij. Bagi Khawarij, Khalifah Ali, Sayidina Muawiyah dan Sayidina Amru adalah punca perpecahan Umat Islam. Justeru, mereka sewajarnya dibunuh! Suatu perancangan direncana bagi membunuh tiga sahabat ini dan Khawarij berjaya membunuh Sayidina Ali sahaja dan gagal membunuh Sayidina Amru dan Sayidina Muawiyah Ibn Abi Sufyan. Usai pembunuhan Khalifah Ali ini, maka riwayat Khulafa Rasyidin menemui pengakhirannya. Baiah kemudiannya diserahkan kepada anakanda Sayidina Ali, Sayidina Hasan. Namun, melihat pergolakan dalam politik Islam. Beliau menyerahkan baiah kepada Sayidina Muawiyah Ibn Abi Sufyan sekali gus menubuhkan Khalifah Umayyah di Damsyik.

PENUTUP

Kesimpulannya, proses pelantikan setiap Khalifah mempunyai kaedah yang berbeza-beza. Tetapi, setiap pemilihan Khalifah ini mempunyai persamaan yang sama, iaitu hasil keputusan akan diserahkan kembali kepada umat Islam melalui kaedah baiah. Daripada era Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, rakyat menyerahkan baiah kepada Khalifah sehinggalah syahidnya Sayidina Ali Ibn Abi Talib. Kaedah ini meskipun mengalami masalah pada era era akhir pemerintahannya tetapi kita dapat lihat secara kasar bahawa proses Khulafa ar-Rasyidin adalah lebih “merakyat” berbanding sistem Khalifah setelahnya yang bersifat autokratik.

SESI KEEMPAT

SUMBANGAN KHULAFA' AR-RASYIDIN DALAM ASPEK POLITIK

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami secara terperinci berkenaan siasah dan politik era Khulafa' Rasyidin

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Dasar Dalam dan Luar Negeri Semasa Pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq r.a. (11-13H)
- Dasar Dalam dan Luar Negeri Semasa Pemerintahan Umar al-Khattab r.a. (13-23H)
- Dasar Dalam dan Luar Negeri Semasa Pemerintahan Uthman ibn Affan r.a. (23-35H)
- Dasar Dalam dan Luar Negeri Semasa Pemerintahan Ali ibn Abi Talib r.a. (35-40H)

SESI KEEMPAT: SUMBANGAN KHULAFAT AR-RASYIDIN DALAM ASPEK POLITIK

PENDAHULUAN

Siasah atau politik sememangnya hal yang perlu dan penting dititikberatkan oleh setiap umat Islam. Sama halnya seperti siasah dan dasar politik Khulafa Rasyidin ini. Kesemua Khilafah ini mempunyai dasar dalam membentuk negara mereka ke arah yang lebih baik. Model yang dibentuk oleh keempat-empat Khulafa Rasyidin ini sebenarnya menjadi contoh kepada kerajaan-kerajaan Islam yang datang setelahnya. Justeru, dalam bab ini, kita akan menelusuri lebih mendalam bagaimana Khulafa ar-Rasyidin berinteraksi di peringkat antarabangsa di samping menonjolkan keizzahan Islam di mata dunia. Setiap Khalifah akan dibahagikan kepada dua dasar pemerintahan, iaitu dasar Dalam Negeri dan dasar Luar Negeri.

SAYIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ (11 – 13H)

Era Khalifah Abu Bakar as-Siddiq merupakan permulaan era kebangkitan awal kerajaan Islam. Pada era ini, kerajaan Islam telah mengalami penentangan yang luar biasa dari pelbagai arah. Hal ini disebabkan tindakan sebahagian besar pemuka Arab yang bertindak murtad dan tidak mahu membayar zakat kepada Khalifah dan ada yang tidak mahu berbaiah. Sebahagian pula mengisytiharkan perang kepada Khalifah Abu Bakar.

Tindakan ini jelas membahayakan kedudukan umat Islam pada waktu itu yang hanya tinggal di tiga kota sahaja, iaitu Makkah, Madinah dan Taif. Oleh itu, beberapa dasar disusun oleh Khalifah Abu Bakar bagi mengatasi masalah ini.

Operasi Riddah: Menghapuskan Mereka yang Ingkar

Bagi menangani pasukan Riddah ini, Khalifah Abu Bakar pada awalnya menawarkan perdamaian kepada puak-puak ini. Tetapi, balasan yang diterima sangat menghampakan bahkan mereka menghina utusan Khalifah Abu Bakar dengan mengakui diri merekalah penerus Rasulullah SAW. Tindakan biadab ini sewajarnya mendapat balasan yang setimpal daripada Khalifah. Tetapi, dengan keadaan kini, Khalifah Abu Bakar sedang bermain api.

Hal ini demikian kerana pemberontakan berlaku di sekitarnya. Sekiranya dihantar satu pasukan, pastinya pihak yang lain akan bersatu dan menewaskan pasukan Khalifah. Justeru, Khalifah Abu Bakar mengambil tindakan lain. Beliau menugaskan 11 pasukan bagi menewaskan pasukan murtad dan riddah ini dalam beberapa barisan pasukan yang berasingan. Setiap pasukan ini akan ditugaskan penempatan mereka dan pasukan mereka.

Di samping itu, Khalifah Abu Bakar juga menugaskan beberapa pasukan untuk menjaga sempadan Madinah daripada dicerobohi oleh mana-mana pasukan riddah yang ingin menghampiri kota Madinah. Kota Madinah baru sahaja kehilangan permata yang paling dicintai dunia dan segala isinya sedang menghadapi ancaman dan dugaan pertama mereka.

Akhirnya, sebahagian besar golongan riddah ini berjaya ditumpaskan dengan jayanya. Kini, kerajaan Islam mulai stabil semula. Ini semua berkat kepimpinan dan dasar pandang jauh oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Sebahagian berpendapat bahawa tindakan Khalifah Abu Bakar inilah yang telah menyelamatkan kerajaan Islam. Jika tidak kerana langkah dan dasar tuntas Khalifah Abu Bakar ini, nescaya kita tidak akan dapat melihat kejayaan Khalifah Umar al-Khattab.

Dasar Luar Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

Kalau kita lihat, dasar luar pada era Khalifah Abu Bakar kesemuannya berfokuskan kepada jihad semata-mata dan tiada langsung perdamaian dimeterai. Persoalannya, bukankah Islam agama perdamaian? Mengapa Khalifah Abu Bakar mengisytiharkan perang terhadap Rom dan Parsi? Oleh itu, saya akan membentangkan beberapa hujah saya dalam menjustifikasikan tindakan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq ini.

1) Perang merupakan Lumrah pada Era Tersebut

Pada era tersebut, perang merupakan hal yang biasa dalam masyarakat dunia pada waktu itu. Jika Khalifah Abu Bakar as-Siddiq tidak mengisytiharkan perang sekalipun, Kerajaan Rom Parsi tetap akan mengisytiharkan perang terhadap Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Bahkan, berpotensi kerajaan Islam sekali lagi diambang kehancuran. Justeru, tindakan Khalifah Abu Bakar mendahului langkah awal kerajaan Rom Parsi adalah tindakan defensif kerajaannya.

2) Ancaman Rom dan Parsi di Sempadan Negara

Rom dan Parsi merupakan dua musuh tradisi kerajaan Islam semenjak era Rasulullah SAW lagi. Kedua-dua kerajaan ini telah menunjukkan permusuhannya kepada Rasulullah semenjak pengutusan surat kepada dua penguasa ini. Kisra Parsi telah bertindak mengoyakkan surat utusan Rasulullah dan Rom pula mengisytiharkan perang terhadap Madinah dalam Perang Muktah. Kedua-dua permusuhan ini jelas menunjukkan bahawa telah wujudnya permusuhan awal daripada dua pihak ini. Justeru, tidak hairan jika pengisytiharan dibuat bagi menghindari serangan ke atas negara Islam.

Daripada dua justifikasi ini, kita dapat lihat bahawa Khalifah Abu Bakar sedang bermain catur yang sangat berisiko dan berbahaya. Tetapi, risiko ini perlu diambil untuk kestabilan dan keamanan kerajaan Islam pada waktu itu. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq menempatkan Sayyidina Khalid al-Walid di *front* Iraq bagi menakluk Iraq sehingga Al-Hirah. Pada waktu inilah, Khalid al-Walid menempa kemenangan demi kemenangan tanpa kekalahan. Bahkan, dunia mencatatkan yang strategi milik Khalid al-Walid setanding dengan Hannibal dari Carthage yang menewaskan Rom pada era tersebut.

3) Peluasan Kuasa ke Syam

Setelah kemenangan Islam di Hirah, Iraq. Khalifah Abu Bakar kini mengalihkan pandangannya ke Syam. Khalifah Abu Bakar meletakkan sasaran Al-Quds sebagai sasaran akhir penaklukan. Justeru, beberapa pasukan dibentuk bagi menakluk Rom di Syam. Pembentukan pasukan ini kemudiannya disedari oleh pasukan Rom, lalu mereka juga melakukan tindakan yang sama dengan mengirim pasukan yang lebih ramai jumlahnya daripada pasukan Islam. Pasukan Islam pada waktu itu seolah-olah sudah kalah dengan jumlah pasukan Rom. Khalifah Abu Bakar berpendapat bahawa perlunya menghimpunkan pasukan ini di sebuah tempat bagi memenangi perang ini. Pasukan ini kemudiannya menanti di Yarmuk.

Nama Panglima	Tugas
Amru Al-As	Bergerak untuk menakluk Palestin melalui Lembah Aqabah (Ghamr Al-Arabat)
Syurahbil bin Hasanah	Bergerak menuju ke Jordan dan bergabung bersama pasukan dari Dzil Marwah melalui Tabuk
Yazid bin Abu Sufyan	Bergerak menuju ke Damsyik dan bakal disusuli pasukan Muawiyah bin Abu Sufyan serta melalui jalan Tabuk
Abu Ubaydah Al-Jarrah	Bergerak menuju ke Hims melalui jalan Tabuk

Nama Panglima	Tugas	Kekuatan*
Theodore (At-Tazariq)	Menghadapi pasukan Amru Al-As	90 000 orang
Georgorios Theodore (Jurjah ibn Tuzra)	Menghadapi pasukan Yazid bin Abu Sufyan	60 000 orang
Theodore Thrithyrios/Sakellarios/ Dracus (Ad-Darqis)	Menghadapi pasukan Syurahbil bin Hasanah	- Tidak dapat dipastikan jumlah mereka tetapi lebih ramai berbanding pasukan Islam
Vicarius Nastus (Al-Fiqar/Qaiqalan)	Menghadapi pasukan Abu Ubaydah Al-Jarrah	60 000 orang

Pasukan Islam akhirnya berkumpul di Yarmuk. Khalifah Abu Bakar menitahkan Sayidina Khalid al-Walid membantu pasukan *front* Yarmuk bagi menewaskan pasukan Rom. Akhirnya, tercetus pertempuran antara kedua-dua pasukan ini pada 636 Masihi. Kemenangan kemudiannya berpihak kepada pasukan Islam dan menewaskan secara mutlak pasukan Rom. Dalam kegembiraan pasukan Islam, mereka turut menerima khabar kemangkatan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan penggantinya, Khalifah Umar al-Khattab.

DASAR KHALIFAH UMAR AL-KHATTAB

Pada era Khalifah Umar al-Khattab, kita dapat lihat beberapa dasar luar dan dasar dalam negeri baharu yang dibentuk oleh Khalifah. Dasar ini dibentuk atas dasar keperluan kerajaan Islam pada waktu itu yang memerlukan perkembangan sebagai sebuah kerajaan Islam yang mulai memerintah kawasan yang sangat luas pada waktu itu di daratan Asia Tengah.

Dasar Dalam Negeri Era Khalifah Umar al-Khattab

Pada era Khalifah Umar, kerajaan Islam telah mencapai ke wilayah Iraq, Syam dan Mesir. Ketiga-tiga kawasan yang luas ini memerlukan pentadbiran yang telus dan baik. Justeru, Khalifah Umar meletakkan gabenor-gabenor yang sanggup memikul amanah ini dengan baik di setiap wilayah jajahan masing-masing. Antara gabenor yang terkenal dalam era Khalifah Umar ialah gabenor di bandar Basrah yang pada waktu itu merupakan bandar baharu yang dibangunkan pada era Khalifah Umar. Bandar ini merupakan sebuah bandar yang menjadi pos ketenteraan Islam di Iraq. Gabenornya, Abu Musa al-Asy'ariy yang membangunkan bandar ini sehingga menjadi sebuah kota perhubungan yang masyhur pada waktu itu.


Kita dapat lihat juga Gabenor Mesir, Amru al-As yang membangunkan pelbagai fasiliti dan kemudahan awam yang baharu di Mesir. Semua ini adalah cetusan idea dan arahan Khalifah Umar pada waktu itu yang menitahkan agar pembangunan wilayah jajahan masing-masing pada waktu itu. Di samping itu, beberapa jabatan baharu ditubuhkan seperti badan Baitulmal, badan kehakiman dan badan keamanan.

Badan-badan ini berperanan sebagai penjawat awam yang berkhidmat kepada kerajaan Islam pada waktu itu. Hakim dan qadhi diberikan gaji yang tinggi bagi mengelakkan berlakunya pecah amanah dan rasuah. Baitulmal pula menghimpunkan harta daripada pelbagai sumber seperti ghanimah, zakat, harta rikaz, jizyah, usyur dan pelbagai jenis cukai lagi. Kesemua ini akan dipulangkan kepada rakyat sebagai pulangan kerajaan seperti pembangunan fasiliti, jalan raya, bandar baharu dan sistem pertahanan untuk rakyat.

Khalifah Umar juga menetapkan dasar tiada ghanimah kepada pasukan Islam. Khalifah Umar menetapkan bahawa pengambilan pasukan tetap diadakan dan gaji akan diberi

secara tetap untuk mengangkat hak ghanimah mereka. Ghanimah kemudiannya dipulangkan kepada kerajaan bagi tujuan pembangunan negara. Kesemua ini adalah hasil kebijaksanaan dan dasar semasa Khalifah Umar al-Khattab pada waktu itu.

Di samping itu, Khalifah Umar juga telah memperkemaskan lagi sistem negara pada waktu itu. Setiap jabatan mempunyai peranannya dan setiap mereka akan perlu merujuk Ahli Syura sebagai rujukan utama mereka. Kesemua ini adalah dasar kerajaan Khulafa Ar-Rasyidin bagi membentuk sebuah sistem yang sistematik dan teratur.



Peranan Masjid sebagai penghubung masyarakat Islam dan menjadi medan perbincangan juga sebahagian dasar Khulafa ar-Rasyidin yang mengekalkan warisan syura dari era Rasulullah SAW.

Dasar Luar Khalifah Umar al-Khattab

Dalam era Khalifah Umar, dasar luar Khalifah Umar lebih terbuka menerima perdamaian kerana keperluan kerajaan Islam pada waktu itu yang memerlukan lebih masa bagi membangunkan kerajaan dan kestabilan dasar negara. Justeru, terdapat beberapa dasar kerajaan Khalifah Umar pada waktu itu.

1) **Perdamaian di Palestin**

Usai Perang Yarmuk, Khalifah Umar meneruskan ekspedisinya ke Syam. Akhirnya, ekspedisi ini berakhir dengan perdamaian dengan pasukan Islam yang pada waktu itu dipimpin oleh Abu Ubaydah al-Jarrah dan wakil kerajaan Rom, yaitu Patriarch Sophronius. Pada awalnya, Patriarch Sophronius meminta kehadiran Khalifah Umar al-Khattab pada perjanjian ini. Dikisahkan, kedatangan Khalifah Umar ke Al-Quds tidak seperti raja mahupun Khalifah yang agung. Beliau hanya ditemani dengan pembantunya dan seekor unta sahaja.

Setibanya di Al-Quds, beliau menandatangani perjanjian damai yang dinamakan sebagai Perjanjian Umari. Perjanjian ini dimeterai atas persetujuan bersama pihak Kristian dan Islam di Al-Quds.

Al-Quds kemudiannya dibuka sepenuhnya pada tahun 638 Masihi. Setelah tamatnya front Syam, Khalifah Umar mengalihkan pandangannya ke Iraq.

2) **Peperangan di Iraq**

Pasukan Parsi telah mengumpulkan pasukan mereka dan menewaskan pasukan Islam dalam pertempuran Jambatan yang dipimpin oleh Abu Ubayd al-Thaqafi. Khalifah Umar segera mengutus pasukan ganti yang dipimpin oleh Panglima Saad Ibn Abi Waqqas bagi menewaskan kemaraan pasukan Parsi ini. Kedua-dua pasukan ini bertemu di Qadisiyya. Pertempuran tercetus selama beberapa hari dan keputusan perang yang berbeza-beza bagi setiap hari peperangan.

Pasukan Parsi menggunakan gajah dalam pertempuran ini dan berjaya memundurkan pasukan Islam dalam peringkat awal. Al-Qaqa' Amru at-Tamimiy menggunakan strategi menyolek kuda pasukan Islam bagi tujuan menakut-nakutkan pasukan musuh. Tindakan ini kemudiannya berjaya menundukkan pasukan Parsi. Akhirnya, pasukan Islam berjaya mara ke arah medan tengah Parsi dan menewaskan secara mutlak pasukan Parsi pada 636 Masihi. Kemenangan ini diteruskan pasukan Islam dengan menaklukkan benteng benteng milik Parsi sehingga Isfahan. Akhirnya, Empayar Sassanid Parsi runtuh seruntuhnya sebagaimana sabda Nabi SAW, "Semoga Allah mengoyakkan kerajaan Parsi."

3) **Negosiasi di Nubah**

Dalam sekian banyak kerajaan berdamai, ada sebuah kerajaan yang jarang-jarang disebut sejarahnya, iaitu wujudnya negosiasi antara kerajaan Islam dengan kerajaan ini. Kerajaan ini ialah kerajaan Nubah. Nubah merupakan antara negara yang berjaya menewaskan pasukan Khulafa ar-Rasyidin. Abdullah bin Sa'ad bin Abi Sarh cuba menakluk Makuria tetapi gagal. Pasukan Nubah merupakan pasukan yang mampu mempertahankan negara mereka dengan baik dan mereka juga mempunyai kemahiran dalam memanah membuatkan pasukan Islam pada waktu itu telah tewas  kepada Nubah (Makuria). Justeru, kerajaan Khulafa Rasyidin hanya menjalinkan hubungan perdamaian semata-mata dan negosiasi akan bertukar kepakaran antara kerajaan ini.

Perbezaan kerajaan Rom, Parsi dan Nubah adalah “capability” pasukan. Rom dan Parsi dianggap sebuah kerajaan yang retak menanti belah, manakala Nubah merupakan sebuah kerajaan mandiri sendiri. Ia tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh kewangan mahupun politik semasa. Selain itu, kekuatan Nubah ini dilihat dari segi kemahiran mereka dalam seni perang di kawasan Afrika. Pasukan Khulafa Rasyidin tidak terbiasa akan hal ini. Oleh itu, kemahiran seperti ini memberi kelebihan kepada pasukan Nubah ini menewaskan kerajaan Khulafa Rasyidin dalam beberapa siri pertempuran.

Dasar kerajaan Khalifah Umar ini kemudiannya berlangsung sehingga kewafatan Khalifah Umar, iaitu pada 644 Masihi.

DASAR KHALIFAH UTHMAN IBN AFFAN

Pada era Khalifah Uthman Ibn Affan, dasar negara telah diperkasakan dengan lebih mantap. Beberapa dasar luar negara telah diperkukuh dan diperkasakan. Namun, ketika ini telah berlakunya pergolakan yang besar sehingga menyebabkan pergolakan ini memecah-belahkan masyarakat Islam pada waktu itu. Manakala, dasar luar negara pula tertumpu kepada peluasan kuasa Islam di lautan dan peluasan kuasa Islam di Afrika Utara.

Dasar Dalam Negeri

Antara dasar dalam negeri yang menjadi perhatian umum adalah penyusunan semula kerajaan dan pentadbiran kerajaan. Penyusunan inilah menjadi salah satu “point” pemberontak pada waktu itu melabel Khalifah Uthman sebagai “nepotisme” yang mementingkan kerabat keturunannya semata-mata. Namun, benarkah dakwaan itu?

- Khalifah Uthman Nepotisme?

Sesungguhnya ini adalah dakwaan yang sungguh berat. Perlu diingat bahawa calon-calon yang diletakkan oleh Khalifah Uthman bukan sembarangan orang. Muawiyah Ibn Abi Sufyan merupakan salah seorang penulis wahyu dan sewajarnya beliau ditempatkan dalam kerajaan. Bahkan, Khalifah Uthman tidak segan menghukum keluarganya sekiranya mereka juga melakukan kesalahan.

Perlu difahami bahawa kerajaan Islam pada waktu itu menuju zaman puncaknya, oleh itu, Khalifah Uthman memerlukan kestabilan kerajaannya. Bagaimana untuk mendapatkan kestabilan? Dengan kesetiaan setiap wilayah jajahannya. Bagaimana untuk mendapatkan kesetiaan? Kesetiaan wilayah itu berasal daripada gabenornya. Inilah nilai yang dipandang oleh Khalifah Uthman Affan. Gabenor diletakkan keluarganya agar dapat menjaga kesetiaan ini demi kestabilan kerajaan Islam.

Namun, dasar inilah yang digunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan membangkitkan pemberontakan dan akhirnya, Khalifah Uthman terkorban dalam pembunuhan oleh pemberontak ini.

Dasar Luar Negeri

Khalifah Uthman Affan telah menunjukkan minatnya dalam pembentukan armada pasukan Islam di Pelabuhan Iskandariyah, Mesir. Pembinaan armada laut Islam ini merupakan babak baharu dalam sejarah Islam apabila pasukan Islam mulai menerokai laut. Pasukan Islam kemudiannya berjaya membebaskan Pulau Cyprus dan Rhodes buat pertama kalinya di Laut Mediterranean daripada kekuasaan Rom sekian lamanya.

DASAR KHALIFAH ALI IBN ABI TALIB

Pada era Khalifah Ali telah berlaku pelbagai kekacauan yang telah menyebabkan dasar luar negeri tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan dasar dalam negeri yang telah dilakukan oleh Khalifah Ali bagi tujuan menjaga kestabilan kerajaan Islam pada waktu itu.

Pemindahan Ibu Kota Madinah ke Kufah

Tindakan pemindahan ibu kota ini bertujuan untuk menjaga kestabilan pusat kerajaan Islam pada waktu itu. Ditambah lagi, majoriti penyokong Khalifah Ali terdapat di Kufah, maka Khalifah perlu berada dalam kawasan yang selamat daripada serangan luar. Selain itu, Khalifah Ali juga telah membangunkan pengkalannya di Kufah bagi menghindari sebarang ancaman daripada kuasa politik Islam yang sedang bangkit pada waktu itu, iaitu gabenor Syam, Muawiyah Ibn Abi Sufyan.

Usaha Menstabilkan Kerajaan Islam

Di sebelah pihak, iaitu Muawiyah menuntut adanya qisas, manakala Khalifah Ali menuntut supaya adanya bai'ah bagi menyerahkan kuasa kepadanya untuk menangkap pembunuh Sayyidina Uthman dengan lebih mudah apabila wujudnya persatuan. Kedua-duanya menyatakan ijtihad masing-masing dan akhirnya perang tercetus antara dua pihak ini. Perang Siffin menjadi medan saksi perseteruan antara umat Islam pada waktu itu.

Akhirnya, perang ini berjaya ditamatkan dengan Perjanjian Tahkim dan seterusnya mencetuskan babak perdamaian antara dua pihak ini. Usai perdamaian ini, kerajaan Islam kemudiannya berjaya stabil semula. Walau bagaimanapun, kerajaan Islam pada waktu itu terbahagi kepada dua, sebahagiannya menyokong gabenor Syam dan sebahagiannya menyokong Khalifah Ali.

PENUTUP

Kerajaan Islam Khulafa ar-Rasyidin sangat menekankan syura (perbincangan) bagi memutuskan sesuatu perkara, dasar dan keputusan. Melalui keputusan syura ini, kita dapat memahami bahawa perlunya buah fikiran daripada pelbagai pihak agar dapat menghasilkan sebuah idea yang baik dan dasar yang baik.

SESI KELIMA

SUMBANGAN DALAM ASPEK EKONOMI & SOSIAL

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami sumbangan setiap Khalifah pada era Khulafa Rasyidin terutamanya dari aspek ekonomi dan sosial.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Masyarakat yang Muncul pada Zaman Khulafa' ar-Rasyidin
- Sumbangan Khulafa ar-Rasyidin dari aspek Politik, Pentadbiran dan Sosial
- Sumbangan Luar Negara
- Sumbangan dari Aspek Ekonomi

SESI KELIMA: SUMBANGAN KHULAFA' AR-RASYIDIN DALAM ASPEK EKONOMI & SOSIAL

PENDAHULUAN

Khulafa ar-Rasyidin merupakan sebuah kerajaan yang bukan sahaja mempunyai prospek keagamaan semata-mata tetapi ia merangkumi dan memenuhi kedua-dua tuntutan, iaitu aspek sunnatullah dan syariatullah. Dari segi aspek sunnatullah, tidak dapat dinafikan lagi ketokohan para Ashabi Rasulullah dalam bahagian ini.

Seterusnya, aspek ekonomi dan sosial merupakan aspek yang jarang-jarang dipandang dalam sejarah Islam berkenaan Khulafa Rasyidin. Sebenarnya, pandangan dan ekonomi era ini merupakan sebuah peluasan yang sangat hebat sehingga berjaya menjadi pilihan bangsa A'jam untuk bernaung di bawah era pemerintahan Islam berbanding Rom dan Parsi. Kita dapat melihat betapa ketajaman akal dan hikmah para sahabat Rasulullah yang menjalankan sebuah dasar negara dengan baik dan berjaya membawa kerajaan Islam ke puncak kejayaannya.

MASYARAKAT YANG MUNCUL PADA ERA KHULAFAR-RASYIDIN

1) Riddah

Golongan yang murtad, tidak ingin membayar zakat dan mengaku menjadi nabi palsu. Golongan ini diperangi oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq (Yamamah – Musailamah Al-Kadzab, Buzakha – Tulaihah Al-Asadi, Yaman – Aswad Al-Ansi).

2) Ahl Ayyam

Golongan ini wujud pada era Khalifah Umar r.a.. Golongan ini merupakan golongan yang mendapat *trustee* (kepercayaan) Khalifah Umar untuk meneroka tanah-tanah di Daulah Islam pada ketika itu. Membezakan golongan ini dengan Ahl Qurra ialah Ahl Ayyam ialah orang yang pernah murtad semasa riddah.

3) Ahl Qurra

Golongan ini wujud pada era Khalifah Uthman r.a.. Polisi/dasar Khalifah Uthman pada ketika itu yang menyebelahi pihak kerabat Umayyah sahaja menyebabkan ketidakpuasan hati sebahagian daripada golongan Ahl Ayyam. Mereka ini mewujudkan

lagi sebuah golongan, iaitu Ahl Qurra. Golongan Ahl Qurra ini merupakan penyokong kuat Khalifah Ali dan turut terlibat dalam pembunuhan Khalifah Uthman r.a..

4) Khawarij

Golongan ini wujud pada era Khalifah Ali r.a. yang wujud setelah berlakunya peristiwa Tahkim yang menyaksikan perdamaian antara Sayidina Muawiyah dan Khalifah Ali selepas pertempuran Siffin. Golongan ini pada asalnya merupakan penyokong Khalifah Ali (Ahl Qurra). Namun, disebabkan ketidaksepakatan mereka berkenaan rundingan ini menyebabkan mereka keluar daripada pakatan sokongan kepada Khalifah Ali dan menubuhkan kelompok Khawarij yang seterusnya menjadi duri dalam daging umat Islam. Kelompok ini mengadakan komplot membunuh Khalifah Ali di Kufah (Abdurrahman Bin Muljam), Sayidina Muawiyah di Syam dan Sayidina Amru al-'As di Mesir.

5) Syiah

Golongan ini wujud pada era Khalifah Ali r.a.. Kelompok ini terus setia kepada Khalifah Ali sehingga selepas peristiwa Tahkim dan menyokong penuh kepimpinan Khalifah Ali sehingga terbunuhnya Khalifah Ali dan selepas itu kepada anakandanya, Khalifah Hassan. Khalifah Hassan menyerahkan baiahnya kepada Sayidina Muawiyah di Syam kerana pengaruh Muawiyah pada ketika itu lebih luas berbanding Khalifah Hassan yang hanya berpusat di Kufah semata-mata. Sejak itu, bermulalah era Khalifah Umayyah.

SUMBANGAN KHULAFAR-RASYIDIN KEPADA MASYARAKAT ISLAM

Politik dan Pentadbiran

1) Pentadbiran Wilayah

- Khalifah melantik amir/gabenor bagi setiap wilayah Daulah Islam. Antara gabenor yang terkenal adalah Amru al-As, Gabenor Mesir.
- Pentadbiran gabenor ini berperanan menghantar laporan tahunan kepada Khalifah.
- Khalifah berhak melucutkan jawatan bahkan menghukum gabenor yang melanggar etika pentadbiran. (Gabenor Mesir telah ditegur oleh Khalifah atas tindakannya

terhadap

rakyatnya).

2) **Pentadbiran Tanah**

- Hasil tanah taklukan Parsi tidak diserahkan sebagai ghanimah tetapi dimiliknegerakan.
- Tanah ini kemudiannya digazetkan sebagai tanah sawafi. Manakala tanah yang bertuan dikategorikan sebagai tanah dhimmah yang perlu membayar cukai.
- Tanah yang tidak bertuan ini akan diusahakan dan hasilnya akan diserahkan kepada negara. Dasar ini sebenarnya mirip dengan Dasar Felda Negara.

3) **Membentuk Majlis Syura**

- Pembentukan Majlis Syura ini berperanan sebagai asas kepada dasar negara.
- Apabila dasar negara dikeluarkan oleh Khalifah, dasar ini harus melalui Majlis Syura.
- Ahli Majlis Syura rata-ratanya merupakan para Ashabi Rasulullah SAW yang utama.
- Mereka akan menapis dasar agar selari dengan syaria Islam. Hal ini dapat dilihat dalam dasar ekonomi, sosial dan ketenteraan.

4) **Mengasaskan Takwim Hijri**

- Takwim Hijri merupakan sebuah inisiatif Khalifah Umar kerana keperluan pada waktu itu untuk perekodan dan urusan rasmi antara negara yang memerlukan tahun dan tarikh.
- Bangsa Arab sebelumnya tidak memiliki tarikh dan tahun secara terperinci. Hal ini dapat dilihat dengan sebelum kelahiran nabi, bangsa Arab menandai tahun melalui peristiwa yang besar seperti Tahun Gajah. Justeru, tahun ditandai dengan peristiwa Tahun Gajah. (Dua tahun setelah Tahun Gajah)
- Kaedah ini merumitkan urusan perekodan dan usul ini kemudiannya dibawa kepada Khalifah Umar dan beliau mencadangkan agar tahun Islam dimulai dengan bulan Muharram.

Sosial

1) **Memperkembang Pendidikan Islam**

- Khalifah-khalifah telah menyediakan dana kerajaan bagi memperkasa Pendidikan Islam khususnya Pendidikan al-Quran.
- Beberapa sahabat utama juga turut dihantar bagi mengembangkan agama Islam (Sayyidina Saad Ibn Abi Waqqas dihantar ke China bagi menyebarkan Islam).
- Sahabat utama seperti Abdullah Ibn Abbas telah berperanan menjadi rujukan al-Quran bagi umat Islam.
- Hal ini dirancakkan lagi pada era Khalifah Uthman yang membukukan al-Quran bagi menyelaraskan kaedah bacaan umat Islam pada waktu itu.

2) Taraf Golongan Hamba dan Tuannya

- Selari dengan kehendak Islam, golongan hamba tidak boleh ditindas dan dipisahkan daripada keluarganya.

3) Membangun Ekonomi dan Kemudahan

- Daripada hasil negara, dana ini akan digunakan untuk pembangunan negara seperti pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan Terusan Abu Musa al-Asy'ariy di Basrah.
- Selain itu, Khalifah turut melaksanakan beberapa agihan kewangan masyarakat melalui inisiatif pemberian kepada keluarga para syuhada dan beberapa inisiatif kepada masyarakat miskin yang tinggal di Madinah serta di bawah pemerintahan Khulafa al- Rasyidin.

SUMBANGAN KHULAFAH AR-RASYIDIN KEPADA DASAR LUAR NEGARA

Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

- Hubungan diplomatik agak terbatas kerana operasi riddah.
- Hubungan tegang dengan Rom dan Parsi (tentera dihantar ke sempadan Hirah, Ajnadain, Palestin, Iraq dan Jordan).

Khalifah Umar al-Khattab

- Hubungan diplomatik membawa kepada pengislaman kabilah-kabilah Arab dan bukan Arab.
- Kesanggupan mereka bernaung di bawah pemerintahan Islam.
- Perjanjian Damai Illiya menjamin kebebasan rakyat Rom di Palestin.

Khalifah Uthman bin Affan

- Menjalinkan hubungan diplomatik bersama Dinasti Tang (rekod sejarah Tang) yang mengutus diplomat Saad bin Abi Waqqas untuk sebarkan agama Islam.
- Usaha disambut baik dan sebagai tanda persahabatan dibina Masjid di Guangzhou (Masjid Huaisheng).

EKONOMI KHULAFAR-RASYIDIN (PEROLEHAN KEWANGAN DAN AGIHAN EKONOMI)

1) Baitulmal

Sumber Baitulmal: Zakat/Jizyah/Usyur/Ghanimah/Al-Fayy/Kharaj

Peranan Baitulmal:

- Menyediakan keperluan asas (membina masjid, jalan raya, sistem pengairan).
- Meningkatkan taraf hidup umat Islam (pemberian biasiswa kepada pelajar Islam, pemberian harta kepada pemula perniagaan dan petani).
- Menjaga harta yang diwakafkan (seseorang meninggal tanpa waris, diamanahkan kepada Baitulmal dalam bentuk harta atau tanah).

2) Zakat

Zakat bermaksud penyucian harta dan dapat menghapuskan sifat kedekut. Zakat terbahagi kepada dua, iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah semasa bulan Ramadhan sahaja manakala zakat harta terdiri daripada zakat pertanian, zakat emas dan perak, zakat harta karun (zarta rikaz). Zakat dikeluarkan untuk tujuh golongan yang layak (fakir, miskin, musafir, mualaf, hamba membebaskan diri, orang yang berhutang, orang yang berjihad, amil).

Pelaksanaan Zakat

- Pada zaman Nabi Muhammad, zakat diserahkan kepada golongan asnaf.
- Pada zaman Khalifah Abu Bakar, terdapat golongan yang tidak mahu bayar zakat (riddah) dan menyebabkan Khalifah Abu Bakar membentuk pasukan untuk menggempur mereka.
- Pada zaman Khalifah Umar al-Khattab pula sumber zakat meningkat disebabkan kejayaan peluasan kuasa dan dakwah yang dilakukan oleh pemerintahan beliau. Amil dihantar untuk mengutip zakat di seluruh jajahan Islam.
- Pada zaman Khalifah Uthman juga berlaku sedemikian dengan jayanya.

Walaupun pada era Khalifah Ali berlaku konflik dan pergolakan, namun syariat tetap berjalan seperti biasa.

3) Jizyah

Jizyah ialah cukai yang dikenakan kepada golongan *dhimmi*. Jizyah terbahagi kepada dua situasi semasa, iaitu kadar yang ditetapkan kerajaan atau kadar persetujuan sendiri. Golongan yang harus bayar jizyah (sihat fizikal dan mental, berkemampuan, merdeka serta bukan ahli agama (paderi). Jizyah dibayar pada setiap awal tahun pada kadar minimum 1 dinar, sesetengah mazhab lain (Hanafi dan Hambali) mengatakan dari 12–48 Dirham. Kewajipan membayar jizyah akan gugur jika pemerintah Islam tidak memberikan perlindungan.

Pelaksanaan Jizyah

- **Khalifah Abu Bakar as-Siddiq:**

- Jizyah terus dikutip dan menjadi pilihan kepada bangsa Rom dan Parsi sebelum berperang.
- Dikutip dari jajahan Al-Hirah (sebanyak 19,000 dirham setahun), Anbar, Ain Tamar bersetuju membayar 1 dinar per individu sewaktu ekspedisi ke Daumatul Jandal.

- **Khalifah Umar al-Khattab:**

- Peningkatan cukai jizyah kerana luasnya empayar Islam selepas beberapa ekspedisi Islam di Iraq, Syam, Mesir, Syria, Jordan dan sebagainya.
- Pemimpin Baitulmaqdis sendiri mengadakan perjanjian jizyah selagi nyawa agama keselamatan mereka dijamin.
- Penduduk Qibti (Mesir) menjemput Amru al-As bagi menghalau Rom bersetuju membayar jizyah 2 dinar.
- Kadar jizyah penduduk Syria pula 1–4 dinar bergantung kepada status individu.
- Penduduk Azerbaijan pada 22 Hijrah dilonggarkan pembayaran jizyah, tahun depannya mereka membayar cukai mengikut kadar tentera.

- **Khalifah Uthman bin Affan:**

- Jizyah dikenakan ke atas wilayah yang dikuasai seperti Tripoli, Nubia dan kawasan lain setelah menerima perjanjian bersama.

- **Khalifah Ali bin Abi Talib:**

- Walaupun pergelutan politik berlaku, jizyah tetap berjalan.
- Bukti: Khalifah Ali mengutus surat kepada Asytar al-Nakhai agar tidak menolak perjanjian lama yang dihulurkan oleh golongan dhimmi yang membayar jizyah.

4) **Ghanimah dan Fayy (الغنيء)**

Ghanimah ialah harta rampasan perang yang diperoleh daripada musuh dan merupakan salah satu sumber kewangan kerajaan. Al-Fay ialah harta rampasan tanpa perang, harta peninggalan orang mati yang tidak ada pewaris dan harta karun.

Satu perlima daripada harta ghanimah dan al-fay diperuntukkan kepada perbelanjaan pusat di Madinah. Harta yang selebihnya dibahagikan kepada tentera yang terlibat dalam peperangan.

Agihan harta dalam kalangan tentera sehingga zaman Khalifah Abu Bakar kemudian zaman Khalifah Umar al-Khattab memperkenalkan elaun pembayaran/gaji kepada tentera.

5) **Kharraj**

Cukai Kharraj diperkenalkan oleh Khalifah Umar al-Khattab dan terbukti meringankan beban kepada petani berbanding cukai yang dikenakan oleh kerajaan Rom dan Parsi. Kharraj merupakan cukai tanah yang dikenakan kepada tuan tanah yang ditakluki sama ada cara perang atau damai. Tujuan kharraj ini diadakan untuk mengelakkan tanah-tanah terbengkalai.

Semasa penaklukan Iraq, tanah dibahagi kepada dua:

- **Tanah sawafi:** Tanah yang tidak bertuan (diusahakan oleh Ahl Ayyam).
- **Tanah dzimmah:** Tanah yang bertuan.

Cukai dikenakan kepada orang bukan Islam, jika Islam automatik menjadi zakat.

6) Usyur

Usyur ialah cukai perniagaan yang diperkenalkan oleh Khalifah Umar. Dikenakan kepada orang Islam dan bukan Islam dengan kadar berbeza, iaitu:

- 10% kafir harbi.
- 5% kafir zimmi.
- 2.5% orang Islam.

Cukai ini akan dikenakan apabila cukup nisabnya, iaitu 200 dirham. Salah satu fungsinya adalah untuk memastikan para pedagang atau peniaga menjalankan aktiviti dengan selesa dan dapat menyediakan ruang perniagaan dan membuat pelabuan yang baik. Cukai ini amat baik dilaksanakan kerana diteruskan oleh Khalifah Usman, Khalifah Ali, Umayyah dan Abbasiyyah.

PENUTUP

Era Khulafa ar-Rasyidin merupakan sebuah era yang merangkumi pelbagai aspek dari segi pengurusan politik yang baik, ekonomi yang mampan dan sosial yang bersatu telah membentuk asas kepada kerajaan Islam yang menjadi contoh kepada legasi kepimpinan Islam yang berikutnya. Segala penerapan dasar yang diterapkan menunjukkan bahawa Islam merupakan sebuah agama yang syumul, iaitu mampu menjadi dasar bagi sesebuah negara dan menjadi asas kepada segala dasar yang ditetapkan dalam negara.

RUJUKAN

- Alfred J. Butler, 1978. *The Arab Conquest of Egypt And the Last Thirty Years of the Roman Dominion*. T.t.: Oxford University Press.
- Al-Hafiz Abdul Ghani bin Abdul Wahid al-Maqdisy, 2011. *Sirah Nabawiyyah*. T.t.: IslamHouse.
- Al-Hafiz Imam Ibn Katsir, 2013. *Bidayah Wa An-Nihayah, Khulafa'ur Rasyidin*. Kuala Lumpur: Crescent News KL Sdn. Bhd..
- Al-Hafiz Imam Ibn Katsir, 2018. *Mukhtasar Al-Bidayah Wa An-Nihayah*. T.t.: Insan Kamil Solo.
- Al-Imam Tabari, 1989. *At-Tarikh Al-Muluk Ar-Rusul*. New York: State University of New York Press.
- Al-Khamis, 'Utsman bin Muhammad, 2012. *Inilah Faktanya: Meluruskan Sejarah Umat Islam Sejak Wafat Nabi*. Indonesia: Pustaka Imam Syafie.
- Asmuddin, 2021. *Kebijakan Kharaj pada Masa Rasulullah serta Kaitannya dengan Pajak Bumi dan Bangunan di Indonesia*. Indonesia: Jurnal Media Ilmu Syari'ah STAI Syekh Abdur Rauf Aceh Singkil.
- Dr. Kulsoom Fatima, 2021. *The Leadership Traits of Hazrat Umar: A Beacon Of Light For Contemporary Era*. Pakistan: The Islamic Centre Syekh Zayed Islamic Centre Karachi.
- Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti, 2008. *Fiqh Sirah Jilid 1*. T.t.: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti, 2008. *Fiqh Sirah Jilid 2*. T.t.: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti, 2008. *Fiqh Sirah Jilid 3*. T.t.: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Utsman Bin Muhammad Khamis, 2012. *Hiqbah Minat Tarikh*. Mesir: Daar Ibn Al-Jauzi, Cairo.
- Dr. Zulkifli al-Bakri, 2021. *Soal Jawab Fiqh Covid-19*. Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Meteri (Hal Ehwal Agama).
- Faudah Johari Patmawati Johari, 2010. *The Dynamism In The Implementation of Al-Kharaj During The Islamic Rule*. Kuala Lumpur: Jurnal Syariah Universiti Malaya.

Hadis Nabawi.

Ibn Asakir, 1995. *Tarikh Madinat Dimasyq*. Lubnan: Maktabah Dar Fikr Beirut.

Ilkka Syvanne, 2019. *The Capture of Jerusalem by the Muslims in 634*. Jerusalem: University of Haifa.

Imam ad-Zhahabi, 2008. *Ringkasan Siyar A'lam An-Nubala Jilid 1*. Indonesia: Pustaka Azzam Jakarta.

Imam ad-Zhahabi, 2008. *Ringkasan Siyar A'lam An-Nubala Jilid 2*. Indonesia: Pustaka Azzam Jakarta.

Imam ad-Zhahabi, 2008. *Ringkasan Siyar A'lam An-Nubala Jilid 3*. Indonesia: Pustaka Azzam Jakarta.

Imam ad-Zhahabi, 2008. *Ringkasan Siyar A'lam An-Nubala Jilid 4*. Indonesia: Pustaka Azzam Jakarta.

Mahayudin Haji Yahya, 1979. *The People of Ahl-Ayyam In The Arab Conquest of Iraq*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Penerbit UKM.

Muhammad Haekal Husain, 2002. *Umar bin al-Khattab*. Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa Bogor.

Nurul Hidayati, 2018. *Usyur dan Jizyah dalam Kajian Ekonomi Islam*. Tawazun: Journal of Sharia Economi Law Institut Agama Islam Negeri Kudus.

Prof. Dr. Muhamad Sameh Said, 2018. *Muhammad Anak Yatim*. Selangor: Karya Bestari.

Razaleigh Muhamat, 2014. *Perlaksanaan Dakwah dan Politik Islam Zaman Khulafa' Al-Rashidin*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.